JUZU' KE-18

SURAH AL-MU'MINUN

SURAH KE **23**

سورة المؤمنون

SURAH AL-MU'MINUN

Surah Para Mu'minin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **118**

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 22)

قد أفلح المؤمنون ﴿١﴾

الذين هم في صلاتهم خاشعون ﴿٢﴾

والذين هم عن اللغو معرضون ﴿٣﴾

والذين هم للزكاة فاعلون ﴿٤﴾

والذين هم لفروجهم حافظون ﴿٥﴾

إلا على أزواجهم أو ما ملكت أيمانهم فإنهم غير ملومين ﴿٦﴾

فمن ابتغى وراء ذلك فأولئك هم العادون ﴿٧﴾

والذين هم لأماناتهم وعهدهم راعون ﴿٨﴾

والذين هم على صلواتهم يحافظون ﴿٩﴾

أولئك هم الوارثون ﴿١٠﴾

الذين يرثون الفردوس هم فيها خالدون ﴿١١﴾

ولقد خلقنا الإنسان من سلالة من طين ﴿١٢﴾

ثم جعلناه نطفة في قرار مكين ﴿١٣﴾

ثم خلقنا النطفة علقة فخلقنا العلقة مضغة فخلقنا المضغة عظاما فكسونا العظام لحما ثم أنشأناه خلقا آخر فتبارك الله أحسن الخالقين ﴿١٤﴾

ثم إنكم بعد ذلك لميتون ﴿١٥﴾

ثم إنكم يوم القيامة تبعثون ﴿١٦﴾

ولقد خلقنا فوقكم سبع طرائق وما كنا عن الخلق غافلين ﴿١٧﴾

وأنزلنا من السماء ماء بقدر فأسكناه في الأرض وإنا على ذهاب به لقادرون ﴿١٨﴾

فأنشأنا لكم به جنات من نخيل وأعناب لكم فيها فواكه كثيرة ومنها تأكلون ﴿١٩﴾

وشجرة تخرج من طور سيناء تنبت بالدهن وصبغ للآكلين ﴿٢٠﴾

وإن لكم في الأنعام لعبرة نسقيكم مما في بطونها ولكم فيها منافع كثيرة ومنها تأكلون ﴿٢١﴾

وعليها وعلى الفلك تحملون ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman (1). Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga, anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba Yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka (9). Merekalah para

pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, di mana mereka hidup kekal abadi (11). Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah (12). Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim) (13). Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok sel, kemudian Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta (14). Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali (16). Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpannya di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu (18). Lalu Kami adakan untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan (19). Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan (20). Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan (21). Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Nama "Surah al-Mu'minun" itu sendiri menunjukkan isi pembicaraannya. Surah ini dimulakan dengan menjelaskan sifat-sifat para Mu'minin kemudian terus menghuraikan dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian di merata pelosok alam. Kemudian ia menerangkan hakikat iman sebagaimana yang dibentangkan oleh para rasul Salawatullahi 'alaihim dari sejak Nabi Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para rasul dan anbia', juga menerangkan kekeliruan para pendusta di sekitar hakikat itu dan bangkangan-bangkangan serta tentangan-tentangan mereka terhadapnya sehingga para rasul memohon pertolongan dari Allah, lalu Allah membinasakan para pendusta dan menyelamatkan para Mu'minin. Setelah itu ia menjelaskan pula bagaimana selepas kebangkitan para rasul itu umat manusia telah berselisih faham tentang hakikat yang tunggal itu. Di sini ia memperkatakan tentang sikap kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan mengecam sikap mereka yang tidak berasas itu. Kemudian surah ini berakhir dengan sebuah pemandangan hari Qiamat, di mana mereka menerima akibat pendustaan mereka dan di mana mereka dikecam kerana sikap mereka yang ragu-ragu itu dan pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan sebuah ulasan yang menjelaskan pegangan tauhid yang mutlaq dan bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan.

Itulah surah "Para Mu'minin" atau surah iman dengan segala persoalan, dalil-dalil dan sifat-sifatnya, dan inilah yang menjadi maudhu' dan paksi pembicaraan surah ini.

* * * * * *

Huraian surah ini berlangsung dalam empat pusingan:

Pusingan yang pertama menerangkan keberuntungan para Mu'minin:

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman."(1)

Kemudian ia menerangkan sifat-sifat para Mu'minin yang telah ditulis sebagai golongan manusia yang beruntung, kemudian menerangkan dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian alam yang lain. Di sini ia menayangkan tahap-tahap perkembangan hidup manusia (di dalam rahim) dari awal jadinya sehingga lahir ke alam dunia. Ia meluaskan huraiannya mengenai tahap-tahap perkembangan janin dan meringkaskan huraiannya mengenai tahap-tahap perkembangan yang lain. Kemudian ia terus mengikuti garis perjalanan hidup manusia sehingga mereka dibangkitkan pada hari Qiamat. Selepas itu ia berpindah pula dari pembicaraan mengenai hidup manusia kepada pembicaraan dalil-dalil alam buana seperti penciptaan langit, penurunan air hujan, penumbuhan tanaman-tanaman dan pokok buah-buahan hingga sampai kepada pembicaraan binatang-binatang ternakan untuk faedah manusia dan kapal-kapal serta binatang-binatang yang menjadi alat-alat kenderaan mereka.

Dalam pusingan yang kedua ia berpindah dari pembicaraan mengenai dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian makhluk-makhluk yang lain kepada pembicaraan mengenai hakikat iman, iaitu satu hakikat yang diberi kata sepakat oleh para rasul tanpa sebarang kecuali:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓۚ

"Wahai kaumku! Sembahkanlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(23)

Itulah hakikat yang diumumkan Nabi Nuh a.s. dan oleh para rasul yang datang selepasnya sehingga berakhir kepada Nabi Muhammad s.a.w. Bangkangan-bangkangan yang sentiasa dikemukakan oleh para pendusta ialah:

مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ

"Orang ini tidak lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja."(24)

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً

"Dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat."(24)

أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾

"Apakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu)."(35)

Akibat yang selalu dihadapi para rasul ialah mereka mencari perlindungan pada Allah dan memohon pertolongan-Nya kemudian Allah memperkenankan permohonan mereka lalu membinasakan para pendusta itu. Pusingan ini berakhir dengan satu seruan yang ditujukan kepada sekalian rasul:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Wahai para rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh, sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Pusingan yang ketiga memperkatakan tentang perpecahan dan perbalahan umat manusia selepas kedatangan para rasul mengenai hakikat iman yang tunggal yang dibawa mereka:

فَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍۭ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada beberapa puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing."(53)

Juga memperkatakan tentang kelalaian mereka terhadap ujian Allah yang menguji mereka dengan ni'mat kesenangan dan keangkuhan mereka dengan ni'mat kemewahan hidup itu, sedangkan orang-orang yang beriman sentiasa menaruh perasaan takut kepada Allah dan beribadat kepada-Nya tanpa mempersekutukan-Nya. Mereka sentiasa bimbang dan berwaspada:

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan orang-orang yang mengerjakan apa yang telah dikerjakan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka."(60)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu pemandangan yang menggambarkan orang-orang yang lalai dan angkuh itu pada hari mereka ditimpakan 'azab, di mana mereka meraung-raung dan dikecam dengan hebatnya:

قَدْ كَانَتْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾

مُسْتَكْبِرِينَ بِهِۦ سَٰمِرًا تَهْجُرُونَ ﴿٦٧﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Menunjukkan sikap yang angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang keji (memburuk-burukkannya) ketika berbual-bual di waktu malam."(67)

Kemudian penerangan ayat selanjutnya mengecam sikap mereka yang aneh terhadap Rasul mereka yang jujur, sedangkan mereka betul-betul mengenali sifat-sifat beliau. Beliau telah membawa agama yang benar kepada mereka tanpa meminta sebarang upah, tetapi mengapa mereka menolak beliau dan menolak agama yang benar yang dibawa olehnya? Mereka menerima konsep bahawa Allah itu memiliki segala makhluk di langit dan di bumi, tetapi selepas menerima konsep ini mereka ingkarkan kebangkitan selepas mati dan mendakwa bahawa Allah mempunyai anak. Maha Suci Allah! Dan mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain.

فَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Maha Sucilah Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(92)

Dalam pusingan yang akhir, Al-Qur'an meninggalkan kaum Musyrikin bersama kepercayaan mereka yang syirik dan dakwaan mereka yang karut dan menujukan perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. supaya menolak kejahatan kaum Musyrikin itu dengan cara-cara yang lebih baik[1] dan supaya memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan para syaitan. Oleh itu hendaklah beliau jangan marah dan merasa bosan terhadap kata-kata mereka. Di samping itu ditayangkan sebuah pemandangan Qiamat yang menggambarkan 'azab keseksaan, penghinaan dan kecaman yang akan menimpa mereka. Kemudian surah ini diakhiri dengan mentanzihkan Allah S.W.T.:

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ ۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْكَرِيمِ ﴿١١٦﴾

"Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang memiliki 'arasy yang amat mulia"(116)

---

[1] *Surah ini diturunkan di Makkah dan pada masa itu orang-orang Islam belum lagi diperintah supaya menolakkan pencerobohan dengan pencerobohan.*

dan dengan menafikan pencapaian keberuntungan dari orang-orang kafir sebagai imbangan kepada keterangan yang menthabitkan pencapaian keberuntungan kepada orang-orang yang beriman pada awal surah:

وَمَن يَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرْهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١١٧﴾

"Dan barang siapa menyembah di samping Allah tuhan yang lain, tanpa sebarang bukti baginya, maka hisabnya dicatat di sisi Tuhannya iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keuntungan."(117)

Dan seterusnya dengan do'a kepada Allah memohon rahmat dan keampunan:

وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١١٨﴾

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkaulah sebaik Pengurnia rahmat."(118)

******

Seluruh suasana surah ini ialah suasana penerangan dan penjelasan, suasana perdebatan yang tenang, logik hati yang sedar dan sentuhan-sentuhan yang membangkitkan fikiran dan hati nurani. Dan bayangan yang menyelubungi surah ini ialah bayangan yang disorotkan oleh maudhu' pembicaraannya iaitu bayangan keimanan. Pada permulaan surah ditayangkan pemandangan khusyu' di dalam sembahyang:

ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka."(2)

Dan di tengah-tengahnya diterangkan sifat-sifat para Mu'min:

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan orang-orang yang mengerjakan apa yang telah dikerjakan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka."(60)

Juga mengemukakan sentuhan-sentuhan yang mencubit hati yang sedar:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur."(78)

Semuanya dinaungi dengan bayangan iman yang amat halus.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 11)

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾

ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman (1). Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka (9). Merekalah Para pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, dimana mereka hidup kekal abadi."(11)

Perjanjian Allah Dengan Para Mu'minin

Itulah janji yang benar dan pengakuan yang tegas terhadap keberuntungan yang akan dicapai oleh para Mu'minin. Itulah janji Allah dan Allah tidak pernah menyalahi janji-Nya. Itulah pengakuan Allah dan tiada siapa yang dapat menolak pengakuan-Nya. Itulah keberuntungan di dunia dan keberuntungan di Akhirat. Itulah keberuntungan individu Muslim dan keberuntungan kelompok Muslimin. Itulah keberuntungan yang dirasai orang yang beriman di

dalam hatinya dan mendapat bukti kebenarannya dalam kenyataan hidupnya, iaitu keberuntungan yang merangkumi segala pengertian keberuntungan yang diketahui manusia dan pengertian-pengertian keberuntungan yang tidak diketahui mereka, yang disimpankan Allah untuk para hamba-Nya yang Mu'min.

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan Allah perjanjian ini untuk mereka, dan dimeteraikan janji ini dengan mereka dan diumumkan keberuntungan mereka dengan pengumuman ini?

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan untuk mereka segala kebajikan, kebahagiaan, taufik dan keni'matan hidup yang baik di muka bumi ini?

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan untuk mereka segala kemenangan, keselamatan, pahala dan keredhaan Allah di Akhirat? Dan lain-lain balasan yang baik di dunia dan Akhirat yang tidak diketahui sesiapa kecuali Allah?

Siapakah para Mu'min yang menjadi para pewaris yang akan mewarisi Syurga di mana mereka hidup kekal abadi?

Merekalah orang-orang yang dijelaskan sifat-sifat mereka selepas ayat pembukaan surah ini:

ٱلَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka."(9)

Apakah nilai-nilai sifat-sifat ini?

Ciri-ciri Keperibadian Orang-orang Yang Beriman Dan Nilai-nilainya Yang Tinggi

Nilai sifat-sifat ini menggambarkan syakhsiyah seseorang Muslim pada parasnya yang paling tinggi, iaitu paras Nabi Muhammad s.a.w. selaku Rasulullah dan sebaik-baik makhluk Allah yang telah diasuh Allah dengan sebaik-baik asuhan dan disaksikan keagungan akhlaknya oleh kitab Allah sendiri:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."

(Surah al-Qalam: 4)

Siti Aisyah r.a. pernah ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w. Jawab beliau: "Akhlaknya ialah Al-Qur'an" ((كان خلقه القرآن)), kemudian beliau membaca "قد أفلح المؤمنون" sehingga "والذين هم على صلوتهم يحافظون" kemudian berkata: Demikianlah akhlak Rasulullah s.a.w.[2]

Sekali lagi apakah nilai sifat-sifat itu sendiri? Apakah nilai-nilainya dalam kehidupan individu Muslim, dalam kehidupan kelompok Muslimin dan kehidupan umat manusia?

ٱلَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka."(2)

Hati mereka gementar ketika berdiri mengadap Allah di dalam solat. Hati mereka tenang dan khusyu' hingga menjalar ke seluruh tubuh badan, rupa dan gerak-geri. Jiwa mereka diselubungi kebesaran Allah yang dihadapi mereka, di mana segala ingatan yang lain hilang dari fikiran mereka. Mereka tidak teringat kepada yang lain dari Allah dan seluruh perasaan mereka tertumpu kepada-Nya dan berbicara dengan-Nya. Di hadapan hadrat Ilahi yang suci itu lenyaplah segala yang ada di sekeliling mereka dan segala sesuatu yang lain yang ada di dalam hati mereka. Mereka tidak melihat melainkan Allah dan tidak merasa melainkan Allah. Mereka tidak mengecapi melainkan makna Uluhiyah. Hati mereka bersih dari segala kekotoran dan menolak segala kekeliruan. Mereka tidak menyimpan dalam hati mereka sedikit pun dari kekotoran ini bersama kebesaran Allah. Pada ketika itulah debu yang sesat (manusia) itu bersambung dengan sumber Penciptanya (Allah) dan roh yang sesat menemui jalannya dan hati yang sepi menemui tempatnya, dan pada ketika itu juga kecillah segala nilai-nilai, segala benda dan sekalian tokoh kecuali sesuatu yang mempunyai hubungan dengan Allah.

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia."(3)

---

[2] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Nasa'i.*

Iaitu segala perkataan yang sia-sia, segala perbuatan yang sia-sia dan segala perhatian dan perasaan yang sia-sia. Hati yang Mu'min itu sentiasa dipenuhi kegiatan-kegiatannya. Ia tidak mempunyai ruang untuk perkara-perkara yang sia-sia, main-main dan cuma-cuma. Ia dipenuhi kegiatan Zikrullah, memikir kebesaran-Nya dan merenungi tanda-tanda kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya pada kejadian diri manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Setiap pemandangan alam buana memenuhi kegiatan hati dan fikirannya di samping menggerakkan perasaannya. Hati yang Mu'min itu sentiasa dipenuhi tugas-tugas 'aqidah yang membersihkan hati, mencuci jiwa dan dhamir, juga tugas-tugas yang mengawal tingkahlaku dan menegakkan pendirian pada tahap yang tinggi yang dituntut oleh iman, juga tugas-tugas yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan munkar dan memelihara kehidupan masyarakat Islam dari kerosakan dan penyelewengan, juga tugas-tugas jihad untuk melindungi, menolong dan memperkukuhkan 'aqidah, mengawal dan menjaganya dari tipu daya musuh. Semuanya itu merupakan tugas-tugas yang tidak berakhir, yang tidak boleh diabaikan oleh orang yang beriman dan tidak boleh dihindarkan diri darinya. Seluruh tugas-tugas ini merupakan tugas-tugas yang difardhukan Allah sebagai fardhu 'ain atau fardhu kifayah di samping merupakan tugas-tugas yang cukup untuk menghabiskan tenaga dan umur seseorang manusia. Daya tenaga manusia itu adalah terbatas sama ada daya tenaga itu dihabiskan dalam tugas-tugas untuk mengislah, membangun dan memajukan kehidupan atau dihabiskan dalam kegiatan-kegiatan yang sia-sia, cuma-cuma dan main-main, tetapi bagi orang yang beriman dia tetap didorong oleh 'aqidahnya supaya menghabiskan daya tenaganya dalam kegiatan-kegiatan yang membangun, meng'imarah dan mengislah.

Tetapi ini tidaklah pula menafikan bahawa seseorang yang beriman itu boleh menghiburkan hatinya dari satu masa ke satu masa, kerana-hiburan-hiburan yang seperti ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari kegiatan main-main, sia-sia dan kosong itu.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ٤

"Dan orang-orang yang menunaikan zakat."(4)

Iaitu setelah mereka mengadap Allah dengan khusyu' dan menghindarkan diri dari segala perkara yang sia-sia dalam kehidupan. Zakat merupakan pembersihan hati dan harta. Ia membersihkan hati dari sifat bakhil, mengatasi cinta terhadap diri sendiri dan menolak bisikan syaitan yang menakut-nakutkan seseorang menjadi miskin (kerana mendermakan harta), menanam kepercayaan kepada balasan dan ganjaran di sisi Allah. Kebersihan harta (yang dibayar zakat itu) menjadi bakinya sebagai harta yang baik dan halal, tidak lagi tergantung dengan mana-mana hak yang lain kecuali dalam keadaan-keadaan darurat. Ia tidak lagi menjadi harta Syubhat. Zakat mempunyai matlamat untuk memelihara masyarakat Islam dari kerosakan-kerosakan akibat kemiskinan di satu segi, dan akibat kemewahan dari satu segi yang lain. Ia merupakan jaminan sosial untuk seluruh individu-individu di samping merupakan jaminan sosial untuk golongan yang lemah dan perlindungan kepada masyarakat Islam umumnya dari perpecahan dan kehancuran.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٥

"Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka."(5)

Inilah langkah-langkah untuk melahirkan kebersihan jiwa, rumahtangga dan kelompok Muslimin. Inilah langkah melindungkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat melalui usaha memelihara anggota-anggota kelamin dari persetubuhan yang tidak halal, menjaga hati dari menaruh keinginan kepada pasangan yang tidak halal dan mengawal anggota-anggota masyarakat dari menurut nafsu keinginan tanpa perhitungan dan dari kerosakan rumahtangga dan keturunan.

Masyarakat yang melepaskan nafsu keinginan tanpa perhitungan adalah masyarakat yang terdedah kepada kekacauan dan kerosakan, di mana tidak ada keamanan rumahtangga dan tidak ada kehormatan keluarga, sedangkan rumahtangga merupakan unit pertama dalam pembinaan sebuah masyarakat, kerana ia berfungsi sebagai tapak semaian, di mana kanak-kanak subur dan membesar. Ia memerlukan keamanan, kemantapan dan kesucian supaya benar-benar layak menjadi tapak semaian dan anak-anak tangga perkembangan dan latihan, juga supaya kedua-dua ibu bapa hidup aman tenteram terhadap satu sama lain semasa menjaga tapak semaian dan tunas-tunasnya yang baru itu.

Masyarakat yang melepaskan hawa nafsu tanpa perhitungan adalah satu masyarakat yang kotor dan rendah martabat kemanusiaannya. Kayu ukur kemajuan manusia yang tepat ialah kebolehan mereka mengawal kehendak dan kemahuannya dan kebolehan mereka mengatur dorongan-dorongan dan keinginan-keinginan semulajadi dalam bentuk yang produktif dan bersih, di mana anak-anak tidak merasa malu terhadap cara kedatangan atau kelahiran mereka ke alam ini, kerana cara-cara kelahiran mereka adalah bersih, di mana setiap anak mengetahui siapa bapanya, bukannya seperti haiwan yang rendah, di mana si betina bertemu dengan si jantan untuk mengawan semata-mata didorong oleh keinginan hubungan kelamin, kemudian anak-anaknya tidak tahu bagaimana ia lahir dan dari mana ia datang!

Al-Qur'an menentukan di sini bekas-bekas yang bersih, yang dihalalkan kepada seorang lelaki untuk menaruhkan benih-benih hidup:

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ٦

"Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka)."(6)

Masalah pasangan-pasangan suami isteri tidak lagi menimbulkan kekeliruan atau pertikaian kerana ia merupakan satu peraturan halal yang terkenal, tetapi masalah hamba sahaya mungkin memerlukan penjelasan yang terang.

Saya telah menghuraikan persoalan ini dengan panjang lebar ketika memperkatakan masalah perhambaan di dalam Juzu' yang kedua tafsir Fi Zilal. Di sana saya jelaskan bahawa Islam muncul ketika perhambaan menjadi peraturan antarabangsa, di mana peraturan memperhambakan orang-orang tawanan perang menjadi peraturan yang dii'tirafkan oleh semua kerajaan. Oleh sebab itulah tidak mungkin bagi Islam, yang sedang terlibat di dalam berbagai-bagai peperangan dengan musuh-musuhnya yang kuat, bertindak memansuhkan peraturan itu dari sebelah pihaknya sahaja yang mengakibatkan tawanan-tawanan Muslimin dijadikan hamba sahaya oleh musuh-musuhnya, sedangkan Islam membebaskan tawanan-tawanan musuhnya. Sebenarnya Islam telah pun mengeringkan segala sumber perhambaan kecuali tawanan-tawanan perang sahaja yang dibiarkan sehingga umat manusia bersedia meletakkan satu peraturan antarabangsa untuk mewujudkan layanan yang sama kepada para tawanan.

Dari sinilah datangnya tawanan-tawanan perang wanita ke dalam khemah Islam dan mengikut undang-undang layanan yang sama, mereka telah dijadikan hamba-hamba wanita. Antara akibat-akibat perhambaan ini mereka tidak dapat meningkat ke taraf para isteri dengan perkahwinan. Pada masa itu Islam menghalalkan mencari keni'matan dengan mereka sebagai gundik-gundik yang khusus untuk lelaki yang memiliki mereka kecuali mereka menjadi merdeka dengan salah satu dari berbagai-bagai sebab yang banyak yang telah dijadikan oleh Islam sebagai sarana untuk membebaskan hamba abdi.

Barangkali kebenaran mencari keni'matan itu juga bertujuan untuk memenuhi keinginan semulajadi wanita-wanita tawanan itu sendiri supaya keinginan itu tidak dipenuhi mereka dengan cara yang tidak berperaturan dan kotor, iaitu dengan hubungan kelamin yang bercampur aduk sebagaimana yang berlaku kepada wanita-wanita tawanan perang di zaman kita setelah dimeteraikan perjanjian-perjanjian mengharamkan perhambaan. Cara yang tidak berperaturan inilah yang tidak disukai Islam! Demikianlah kedudukan wanita-wanita hamba itu hingga dengan izin Allah mereka meningkat ke martabat merdeka. Seorang wanita hamba boleh mencapai martabat wanita merdeka dengan berbagai-bagai cara seperti dia melahirkan anak tuanmasnya kemudian tuanmasnya mati atau dia dimerdekakan oleh tuanmasnya dengan sukarela atau kerana membayar kifarat atau dia menuntut mukatabah dengan tuanmasnya iaitu dengan membayar sejumlah wang untuk memerdekakan dirinya atau dia dipukul tuanmas di bahagian mukanya, maka denda kifarat perbuatan ini ialah memerdekakannya dan lain-lain.[3] Walau bagaimanapun peraturan perhambaan dalam peperangan itu hanya merupakan satu keperluan untuk sementara sahaja, iaitu keperluan memberi layanan yang sama dalam dunia yang semuanya mengamalkan peraturan memperhambakan tawanan-tawanan perang. Ia bukannya merupakan sebahagian dari sistem kemasyarakatan di dalam Islam.

فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ٧

"Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau."(7)

(Yakni mereka hanya dihalalkan mencari keni'matan seks dengan para isteri dan hamba yang dimiliki mereka) dan tidak boleh mencari keni'matan seks dengan wanita-wanita yang lain dari mereka dengan apa cara sekalipun. Oleh sebab barang siapa yang mencari keni'matan di luar dari itu bererti dia telah melampaui daerah yang halal dan menceroboh ke alam daerah yang haram. Ini bermakna dia telah mencabul kehormatan wanita yang tidak dihalalkan kepadanya dengan perkahwinan atau dengan peperangan. Perbuatan ini merosakkan jiwa seseorang kerana ia sedar bahawa ia telah meragut rumput di padang larangan. Rumahtangga juga turut rosak kerana tidak mendapat jaminan dan ketenteraman, dan seterusnya masyarakat juga dilanda kerosakan akibat serigala-serigalanya dibiarkan bermaharajalela menangkap mangsa-mangsanya di sana sini. Inilah kerosakan-kerosakan yang mahu dihindari Islam.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ٨

"Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka."(8)

Iaitu mereka menunaikan amanat-amanat dan janji-janji mereka selaku individu dan selaku kelompok.

Amanat-amanat yang terbeban di atas bahu individu dan kelompok itu memang banyak dan amanat yang ulung ialah amanat fitrah. Allah telah menjadikan fitrah manusia itu lurus dan selaras dengan undang-undang alam al-wujud. Ia mengakui kewujudan Allah Tuhan Pencipta dan mengakui Wahdaniyah-Nya melalui perasaan dalamannya yang merasakan adanya persamaan undang-undang yang mengendalikannya dan undang-undang yang mengendalikan alam al-wujud dan merasakan adanya

---

[3] *Lihat bab "perhambaan" dalam buku "Salah Faham Terhadap Islam"(شبهات حول الإسلام) oleh Muhammad Qutb.*

persamaan iradat yang bebas bagi undang-undang yang mentadbirkan alam al-wujud ini. Para Mu'minin sentiasa berusaha menjaga amanat yang agung ini. Mereka tidak membiarkan fitrah mereka menyeleweng dari jalannya yang lurus supaya fitrahnya tetap kekal menunaikan amanatnya mengakui kewujudan Allah dan Wahdaniyah-Nya. Kemudian barulah datang amanat-amanat yang lain mengekori amanat yang agung itu.

Janji yang ulung juga ialah janji fitrah iaitu janji yang telah dimeteraikan Allah dengan fitrah manusia supaya beriman kepada kewujudan-Nya dan kepada Wahdaniyah-Nya dan di atas janji yang ulung inilah tegaknya segala janji-janji yang lain. Setiap janji yang disanggupi orang yang beriman bererti dia telah menjadikan Allah sebagai saksinya dan akan menunaikannya dengan semangat taqwa dan takut kepada Allah.

Kelompok Muslimin adalah bertanggungjawab terhadap seluruh amanatnya dan bertanggungjawab terhadap segala perjanjiannya dengan Allah Ta'ala dan terhadap tanggungjawab-tanggungjawab yang terbit dari perjanjian itu.

Ayat ini menggunakan ungkapan yang umum yang merangkumi segala bentuk amanat dan segala bentuk perjanjian dan menyifatkan para Mu'min sebagai orang-orang patuh memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka. Itulah sifat mereka yang tetap di setiap masa. Kehidupan sebuah masyarakat tidak akan betul melainkan segala amanat yang ada padanya ditunaikan dengan sempurna dan segala perjanjiannya dipelihara dan dikotakan. Masyarakat tidak akan betul melainkan apabila setiap anggotanya yakin dan percaya kepada dasar asasi kehidupan bermasyarakat, iaitu dasar amanat yang perlu untuk melahirkan kepercayaan, keamanan dan ketenteraman.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ٩

"Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka."(9)

Iaitu mereka tidak meluputkannya kerana malas dan tidak pula meninggalkannya. Mereka mendirikan solat mengikut peraturan yang semestinya tanpa menguranginya. Mereka menunaikannya tepat dalam waktu-waktunya dengan sempurna sama ada sembahyang-sembahyang fardhu atau sunat. Mereka menyempurnakan segala rukun-rukun dan peradaban-peradabannya. Mereka sembahyang dengan sembahyang yang hidup, di mana mereka menumpukan seluruh hati dan perasaannya. Solat merupakan perhubungan di antara hati manusia dengan Allah. Orang yang tidak memelihara perhubungan ini tidak dapat diharap akan memelihara perhubungan di antaranya dengan manusia dengan pemeliharaan yang sempurna yang terbit dari hati nurani yang ikhlas. Tadi sifat-sifat para Mu'minin itu dimulakan dengan solat kemudian ditamatkan pula dengan solat untuk menunjukkan betapa tinggi kedudukan solat dalam pembinaan iman, kerana solat merupakan satu bentuk ibadat dan tawajjuh kepada Allah yang paling sempurna.

Itulah sifat-sifat yang menentukan syakhsiyah para Mu'minin yang ditetapkan keberuntungan untuk mereka. Dan itulah sifat-sifat yang mempunyai kesan yang pemutus dalam menentukan ciri-ciri masyarakat Mu'minin dan bentuk hidup yang dini'matinya, iaitu bentuk hidup yang layak dengan makhluk insan yang telah dimuliai Allah dan dikehendaki Allah supaya meningkatkan diri mereka ke tahap kesempurnaan. Allah tidak menghendaki mereka menghayati kehidupan haiwan yang hanya hidup mencari keni'matan dan makan seperti binatang ternakan.

Oleh sebab hidup di muka bumi ini tidak dapat mewujudkan hidup yang sempurna yang ditetapkan Allah kepada umat manusia, maka Allah menghendaki supaya para Mu'minin yang menjalani jalan hidayat itu sampai kepada matlamat yang telah ditentukan Allah untuk mereka, iaitu sampai ke Syurga Firdaus, negeri kekal abadi yang tidak dilanda fana, negeri aman damai tanpa dilanda ketakutan dan negeri tetap mantap tanpa dilanda kebinasaan:

"Merekalah para pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, di mana mereka hidup kekal abadi."(11)

Itulah kemuncak keberuntungan yang telah ditetapkan Allah kepada para Mu'minin, dan selepas kemuncak ini tiada lagi matlamat yang lain yang dipandang mata atau diangan-angankan khayal manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 16)

Dari pembicaraan sifat-sifat para Mu'minin, Al-Qur'an berpindah pula kepada pembicaraan mengenai dalil-dalil iman dalam hidup manusia itu sendiri dan di dalam peringkat-peringkat perkembangan kewujudan dan kesuburannya, bermula dengan asal kejadian manusia dan berakhir dengan kebangkitan di Akhirat, serta menghubungkan kedua-dua kehidupan dunia dan Akhirat dalam penerangan itu:

وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٖ مِّن طِينٖ ١٢

ثُمَّ جَعَلۡنَٰهُ نُطۡفَةٗ فِي قَرَارٖ مَّكِينٖ ١٣

ثُمَّ خَلَقۡنَا ٱلنُّطۡفَةَ عَلَقَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡعَلَقَةَ مُضۡغَةٗ

فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا

ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

ثُمَّ إِنَّكُم بَعْدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٥﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah (12). Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim) (13). Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok set, kemudian, Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta (14). Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali."(16)

Qudrat Dan Iradat Allah Di Sebalik Perkembangan Kejadian Manusia Di Dalam Rahim

Peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang berlangsung dengan peraturan yang rapi ini pertama-tama membuktikan adanya pencipta dan kedua membuktikan adanya peraturan dan pentadbiran yang mengendalikan kejadian manusia itu dan arah tujuannya. Kejadian manusia tidak mungkin berkembang secara kebetulan atau serampangan sahaja tanpa peraturan dan pentadbiran kemudian ia dapat berkembang melalui jalan perkembangan yang teratur ini tanpa menyimpang, tersalah dan mungkir dan tanpa melalui jalan perkembangan yang lain di antara berbagai-bagai jalan, yang mengikut pertimbangan akal boleh dilalui olehnya. Sebenarnya kejadian manusia itu berkembang melalui jalan perkembangan ini dan tidak melalui mana-mana jalan yang lain yang boleh dilaluinya adalah disebabkan wujudnya peraturan dan pentadbiran dari iradat Allah yang mencipta dan mentadbir alam al-wujud ini.

Begitu juga peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang dibentangkan dengan cara yang teratur rapi itu menunjukkan bahawa keimanan kepada Allah Pencipta dan Pentadbir dan mengikut sistem hidup yang dihayati oleh para Mu'minin yang diterangkan di dalam bahagian ayat-ayat yang silam merupakan satu-satunya jalan untuk mencapai kesempurnaan hidup yang ditetapkan Allah untuk makhluk manusia di dalam dua kehidupan dunia dan Akhirat. Inilah paksi yang mengumpulkan di antara dua bahagian ayat-ayat ini.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ مِن سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah."(12)

Siri Perkembangan Dari Tanah Kepada Manusia

Ayat ini menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia tanpa menentukannya. Ia memberi faham bahawa makhluk manusia itu telah melalui peringkat-peringkat perkembangan yang bersambung-sambung dari tanah kepada manusia. Tanah merupakan sumber pertama atau peringkat perkembangan pertama dan manusia merupakan peringkat perkembangan yang akhir. Itulah hakikat yang kita ketahui dari Al-Qur'an dan kita tidak perlu mencari bukti-bukti kebenarannya dari teori-teori ilmiyah yang mengkaji tentang asal-usul kejadian manusia atau kejadian makhluk-makhluk hidup.

Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini supaya digunakannya sebagai bidang untuk meneliti ciptaan Allah dan untuk memikirkan betapa jauhnya perpindahan di antara tanah dan manusia yang berasal usul dari tanah itu, tetapi Al-Qur'an tidak menghuraikan siri perkembangan itu kerana ini tidak perlu kepada Al-Qur'an dalam membentangkan matlamat-matlamatnya yang besar. Adapun teori-teori ilmiyah, maka ia telah mencuba menentukan tangga-tangga kewujudan dan perkembangan evolusi kejadian manusia itu untuk menyambungkan salasilah perkembangan kejadian manusia di antara tanah dan manusia. Dalam percubaan ini ia mungkin salah dan betul ketika memperkatakan siri perkembangan yang difaham dan tidak dihuraikan oleh Al-Qur'an itu. Dan kita tidak seharusnya mencampuraduk hakikat perkembangan yang diyakini yang dijelaskan Al-Qur'an dengan percubaan-percubaan ilmiyah yang mengkaji salasilah perkembangan kejadian manusia ini, kerana percubaan-percubaan itu mungkin salah dan betul, mungkin hari ini diterima, tetapi besok ditolak apabila alat-alat dan cara kajian itu bertambah maju di tangan manusia.

Al-Qur'an kadang-kadang mengungkapkan hakikat ini dengan ringkas sahaja:

"Dan Dia mulakan penciptaan manusia dari tanah"

(Surah as-Sajdah: 7)

Jurang Perbezaan Di Antara Nas-nas Al-Qur'an Dan Teori-teori Ilmiyah Mengenai Asal-usul Kejadian Manusia

tanpa menyebut peringkat-peringkat perkembangan yang dilaluinya. Punca rujukan yang dapat dirujukkan dalam perkara ini ialah nas yang lebih terperinci, iaitu nas ini yang menyebut bahawa manusia itu diciptakan *"dari suatu siri saripati dari tanah"*(من سلالة من طين). Jadi nas yang akhir ini menyebut peringkat-peringkat perkembangan itu dengan ringkas kerana adanya hubungan yang tertentu dalam penerangan yang dibuat di sana.

Tetapi soal bagaimana manusia itu berasal-usul dari tanah adalah didiamkan oleh Al-Qur'an, kerana penerangan itu tidak termasuk di dalam matlamat-

matlamat Al-Qur'an. Mungkin rangkaian perkembangannya berlaku seperti yang diandaikan oleh teori-teori ilmiyah dan mungkin pula tidak begitu, malah perkembangan-perkembangan itu telah berlangsung dengan satu cara yang lain yang belum lagi diketahui atau dengan faktor-faktor dan sebab-sebab yang lain yang belum lagi ditemui manusia. Tetapi yang menjadi titik perpisahan di antara pandangan Al-Qur'an terhadap manusia dengan pandangan teori-teori ilmiyah terhadapnya ialah Al-Qur'an memuliakan manusia. Al-Qur'an menjelaskan bahawa pada manusia itu ada tiupan Rohullah dan tiupan inilah yang membuat makhluk yang berasal-usul dari tanah itu menjadi makhluk insan. Tiupan inilah yang mengurniakan kepada manusia ciri-ciri istimewa yang menjadikannya makhluk insan yang berbeza dari haiwan. Di sinilah letaknya titik perbezaan yang pokok di antara pandangan Islam dengan penerangan ahli-ahli sains materialis. Dan Allah itu adalah sebenar-benar yang berkata.[4]

Itulah punca kejadian bangsa manusia yang diciptakan dari suatu siri saripati dari tanah. Adapun kejadian individu manusia selepas itu, maka ia berlangsung mengikut satu cara yang lain pula, yang dikenali umum:

ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾

"Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim)."(13)

Peranan Nutfah Dan Rahim

Bangsa manusia pada mulanya telah diciptakan Allah dari suatu siri saripati dari tanah, tetapi penciptaan dan pembiakan individu-individunya selepas itu - mengikut undang-undang Allah - adalah berlangsung dengan perantaraan setitis nutfah yang keluar dari sulbi lelaki dan dimantapkan di dalam rahim perempuan. Ia hanya setitis air mani, malah hanya satu sel dari puluhan ribu sel-sel spermatozoon yang terkandung di dalam setitis air mani itu. Ia dimantapkan "*di satu tempat yang kukuh*" (في قرار مكين), yakni di dalam rahim yang terletak di antara tulang-tulang pinggul yang dapat melindunginya dari kesan-kesan goncangan-goncangan tubuh ibunya dan dari tumbukan-tumbukan, hantukan-hantukan dan gegaran-gegaran yang mengenai belakang dan perut ibunya.

Ayat ini menjadikan setitis nutfah itu sebagai satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan kejadian makhluk manusia, iaitu satu peringkat, di mana kewujudannya terus diiringi dengan kewujudan manusia. Ini memangnya suatu hakikat dan hakikat ini adalah suatu hakikat yang amat mengkagumkan yang mengajak manusia kepada menungan yang mendalam, iaitu makhluk manusia yang agung itu telah disaripatikan dengan segala anasirnya dan segala sifat dan cirinya di dalam setitis nutfah itu supaya ia dapat diulangi semula ciptaannya pada janin dan supaya kewujudannya berulang-ulang dengan perantaraan saripati yang mengkagumkan itu.

ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٤﴾

"Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok sel, kemudian Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta."(14)

Yakni dari setitis nutfah, ia berkembang kepada setompok sel apabila sel lelaki itu bercantum dengan telur perempuan (ovum). Ia melekatkan dirinya pada dinding rahim selaku satu noktah yang kecil pada mulanya kemudian subur dengan memakan darah ibunya.

Dan dari setompok sel, ia berkembang kepada segumpal darah apabila noktah yang kecil yang melekat pada dinding rahim itu membesar dan berubah menjadi seketul darah dari darah yang kental dan bercampur.

Kemudian makhluk ini terus berkembang subur mengikut suatu garis yang tetap yang tidak menyimpang dan tidak berubah, dan tidak pula berlengah-lengah melaksanakan harakatnya yang diatur rapi itu. Ia terus membesar dengan kekuatan yang tersembunyi di dalam sel itu, iaitu kekuatan yang diambil dari undang-undang Ilahi dan ia meneruskan perkembangan dan perjalanannya di bawah tadbir dan taqdir Ilahi sehingga sampai kepada peringkat pertumbuhan "*tulang-temalang*".

فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا

"Dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang"(14)

kemudian tiba pula peringkat perkembangan membalut tulang-temalang:

فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا

"Kemudian Kami balutkan tulang itu dengan daging"(14)

di sini manusia berdiri kaget di hadapan hakikat yang didedahkan oleh Al-Qur'an mengenai pertumbuhan dan pembentukan janin di dalam rahim itu, iaitu suatu hakikat yang belum lagi diketahui dengan halus melainkan di masa kebelakangan ini sahaja setelah majunya ilmu anatomi janin. Ini ialah kerana sel-sel tulang itu lain dari sel-sel daging dan

---

[4] *Lihat buku* "الإنسان بين المادية والإسلام" *oleh Ustaz Muhammad Qutb.*

kini telah ternyata bahawa sel-sel tulang itulah yang mula-mula membentuk pada janin dan tiada satu sel pun dari sel-sel daging yang dilihat melainkan sesudah lahirnya sel-sel tulang dan sempurnanya pembentukan kerangka tulang umum janin itu. Inilah hakikat yang dirakamkan Al-Qur'an:

فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا

"Dan Kami jadikannya segumpal darah itu tulang-temalang, kemudian Kami balutkan tulang itu dengan daging."(14)

Maha Sucilah Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya!

ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ

"Kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain"(14)

iaitu makhluk manusia yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Walaupun janin manusia menyerupai janin haiwan dalam peringkat-peringkat perkembangan jasmaniyah, tetapi janin manusia berkembang menjadi satu makhluk yang berlainan dari haiwan, iaitu ia berubah menjadi makhluk insan yang mempunyai sifat-sifat yang tersendiri dan mempunyai kesediaan untuk meningkat tinggi, sedangkan janin haiwan tetap tinggal pada martabat haiwan sahaja tanpa mempunyai sifat-sifat yang membolehkannya untuk meningkat tinggi dan menuju kepada kesempurnaan seperti yang dipunyai janin manusia.

Jurang Perbezaan Di Antara Perkembangan Janin Manusia Dan Janin Haiwan

Janin manusia dilengkapkan dengan ciri-ciri yang tertentu dan ciri-ciri inilah yang membawanya menuju ke jalan makhluk manusia selepas itu, di mana ia akan menjadi *"satu makhluk yang lain"* iaitu di peringkat akhir perkembangan-perkembangan kejaninannya, sementara janin haiwan terhenti di takuk perkembangan haiwan kerana ia tidak dilengkapkan dengan ciri-ciri tersebut. Justeru itulah janin haiwan tidak boleh melangkahi martabat haiwaniyahnya, ia tidak boleh berubah secara evolusi yang automatik kepada martabat manusia seperti yang dikatakan oleh teori-teori kebendaan (teori evolusi Darwin) kerana kedua-duanya merupakan dua jenis makhluk yang berlainan. Kedua-duanya berbeza dengan wujudnya tiupan roh Ilahiyah yang membuat makhluk yang berasal-usul dari tanah itu menjadi makhluk insan. Kedua-duanya berbeza selepas itu dengan wujudnya ciri-ciri tertentu yang terbit dari kesan tiupan roh Ilahiyah itu, iaitu ciri-ciri yang membuat janin manusia itu berkembang menjadi *"satu makhluk yang lain"*. Manusia dan haiwan itu hanya serupa dari segi struktur haiwaniyah sahaja kemudian haiwan tetap berada di tempat haiwan tanpa melampauinya, sedangkan manusia berubah menjadi satu makhluk yang lain, yang dapat menerima proses kesempurnaan yang disediakan Allah untuknya dengan perantaraan ciri-ciri istimewa yang dikurniakan Allah kepadanya mengikut satu tadbir yang memang dirancang dan diatur bukannya dengan perantaraan perubahan evolusi secara automatik yang berubah dari jenis haiwan kepada jenis manusia.[5]

"Maha sucilah Allah seelok-elok Pencipta."(14)

Sebenarnya di sana tiada Tuhan yang lain yang mencipta selain dari Allah. Oleh itu kata-kata "seelok-elok" dalam ayat ini bukan bertujuan melebihkan satu penciptaan dari penciptaan yang lain malah untuk mengungkapkan sifat keelokan yang mutlaq dalam penciptaan Allah.

"Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta" yang telah mengisi dalam fitrah manusia daya qudrat yang membolehkannya menempuh peringkat-peringkat perkembangan ini mengikut Sunnatullah yang tidak pernah berubah, menyimpang dan mungkir, sehingga sampai kepada martabat yang sempurna yang ditentukan untuk manusia mengikut peraturan Ilahi yang amat rapi.

Orang ramai selalunya berdiri kagum di hadapan apa yang dinamakan mereka sebagai "mu'jizat-mu'jizat sains" apabila ada orang yang berjaya merekakan sebuah alat yang boleh berjalan dan bergerak sendiri tanpa campurtangan secara langsung dari manusia, tetapi masakan alat ini boleh dibandingkan dengan perjalanan janin yang dapat melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan dan perubahan, sedangkan perbezaan di antara satu peringkat dengan satu peringkat itu amatlah besar, malah perbezaan itu pada hakikatnya merupakan peringkat-peringkat perubahan yang sempurna, tetapi sayang manusia melintasi mu'jizat-mu'jizat janin ini dengan mata yang terpejam dan dengan hati yang tertutup, kerana terlalu lama dan kerap melihat kejadian janin-janin itu telah menyebabkan mereka lupa kepada sudut-sudut mu'jizatnya yang mengkagumkan itu. Sebenarnya dengan hanya berfikir kepada hakikat bahawa makhluk manusia yang canggih ini adalah disaripati dan disimpankan dengan segala ciri-ciri, segala sifat dan segala bentuk rupa seluruhnya di dalam setitis nutfah yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, dan bahawa segala

---

[5] *Teori evolusi telah ditegakkan di atas satu asas yang bertentangan. Teori ini mengandaikan bahawa manusia ini tidak lain melainkan hanya merupakan satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan evolusi haiwan. Ia mengandaikan bahawa haiwan mempunyai ciri-ciri evolusi yang dapat menuju kepada martabat manusia, tetapi andaian yang mahu mentafsirkan hubungan di antara haiwan dan manusia ini telah dibohongi oleh bukti kenyataan, yang menjelaskan bahawa haiwan tidak mempunyai ciri-ciri evolusi tersebut. Haiwan tetap di takuk jenis haiwannya dan tidak dapat melangkahinya. Mungkin perkembangan evolusi haiwan itu berlangsung mengikut sebagaimana teori yang dikatakan oleh Darwin, dan mungkin pula berlangsung dengan cara yang lain, tetapi jenis manusia tetap berbeza dari haiwan, kerana ia mempunyai sifat-sifat yang tertentu, yang menjadikannya makhluk manusia. Ia bukannya menjadi manusia sebagai natijah dari perkembangan evolusi yang automatik, malah sebagai natijah pemberian istimewa yang dirancang dari kekuatan luaran (Qudrat Ilahi).*

ciri, segala sifat dan segala bentuk rupa yang disaripatikan itu kemudiannya akan subur, berkembang dan bergerak melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan kejaninan hingga semuanya muncul dengan jelas apabila ia berkembang menjadi makhluk manusia. Kemudian ciri-ciri, sifat-sifat dan bentuk rupa itu muncul dengan jelas sekali lagi pada bayi yang lahir itu, dan setiap bayi itu pula membawa sifat-sifat keturunan yang tersendiri di samping membawa sifat-sifat manusia yang umum. Dan semua sifat keturunan dan sifat manusia itu adalah tersimpan di dalam setitis nutfah yang kecil itu belaka... dengan hanya berfikir kepada hakikat ini sahaja yang berulang-ulang pada setiap sa'at itu adalah sudah cukup untuk membuka mata hati kita yang tertutup dari memandang tadbir Ilahi yang aneh itu.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan langkah-langkah penerangannya untuk menjelaskan dengan sempurna segala peringkat-peringkat perjalanan manusia dan perkembangan-perkembangan kejadiannya. Kehidupan makhluk manusia yang diciptakan dari tanah itu tidaklah berakhir di bumi ini sahaja. Kerana di sana ada satu unsur yang bukan dari tanah yang telah bersebati dengan manusia dan turut campur tangan menentukan perjalanan hidupnya, dan kerana tiupan roh Ilahiyah yang tinggi yang ada pada manusia itulah yang telah menetapkan satu matlamat akhir yang bukan matlamat akhir jasad hayawaniyah dan satu penghabisan hidup yang bukan penghabisan hidup daging dan darah yang dekat. Tiupan roh Ilahiyah itulah yang telah menjadikan kesempurnaan hidup manusia itu tidak terlaksana di bumi ini dan dalam kehidupan dunia ini, malah ia akan terlaksana di Akhirat dalam suatu peringkat hidup yang baru:

"Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali."(16)

Maut Bukannya Titik Penghabisan Hayat Manusia, Malah Peringkat Perkembangan Yang Teragung

Jadi maut itu hanya penghabisan hidup dunia sahaja. Ia merupakan alam perantaraan di antara dunia dan Akhirat. Ia hanya merupakan satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan manusia sahaja bukannya penghabisan perkembangan hidup mereka.

Kebangkitan semula selepas mati itulah yang merupakan peringkat terakhir dari peringkat-peringkat perkembangan hidup makhluk manusia. Selepas kebangkitan itulah bermulanya hidup manusia yang sempurna dan bersih dari segala titik kekurangan dan kecelakaan hidup di dunia, bersih dari desakan-desakan keperluan daging dan darah, bersih dari tekanan ketakutan dan kegelisahan dan bersih dari perubahan dan pertukaran kerana hidup Akhirat merupakan kemuncak kesempurnaan hidup yang telab ditetapkan Allah untuk manusia, iaitu untuk orang-orang yang menjalani jalan kesempurnaan, sebuah jalan yang telah diterangkan Allah pada bahagian pertama surah ini, iaitu jalan para Mu'minin, tetapi orang-orang yang mengikut jalan songsang di peringkat hidup dunia hingga jatuh ke taraf haiwan, maka mereka akan menerima nasib kesudahan hidup songsang dalam kehidupan Akhirat, di mana kemanusiaan mereka akan dipersia-siakan dan diubah menjadi batu-batu bara dari batu-batu bara dan bahan-bahan bakar Neraka Jahannam, di mana manusia menjadi bahan-bahan bakarnya bersama batu-batu bakar yang lain. Manusia dari golongan ini sama sahaja nilainya dengan batu-batu itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 22)

Dari bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri manusia Al-Qur'an berpindah pula kepada bukti-bukti iman yang terdapat di merata pelosok alam, yang dapat disaksi dan diketahui manusia, tetapi bukti-bukti itu telah dilalui mereka dengan hati yang lalai:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَآئِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ ٱلْخَلْقِ غَٰفِلِينَ ﴿١٧﴾

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّٰهُ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍۭ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ ﴿١٨﴾

فَأَنشَأْنَا لَكُم بِهِۦ جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَٰكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِّلْءَاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

وَإِنَّ لَكُمْ فِى ٱلْأَنْعَٰمِ لَعِبْرَةً ۖ نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِى بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpankannya di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu (18). Lalu Kami adakan

untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan (19). Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan (20). Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan (21). Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

Ayat-ayat ini terus menayangkan bukti-bukti ini dengan mengaitkan satu sama lain dengan sifatnya selaku bukti-bukti qudrat Ilahi dan dengan sifat-Nya selaku bukti-bukti tadbir Ilahi. Semua bukti-bukti itu selaras dari segi bentuknya, juga selaras dari segi tugas-tugas dan tujuan-tujuannya, iaitu semuanya dikendalikan dengan satu undang-undang, semuanya bekerjasama dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan semuanya diperhitungkan untuk kepentingan manusia yang telah dimuliai Allah.

Justeru itu Al-Qur'an mengaitkan pemandangan-pemandangan alam buana ini dengan peringkat-peringkat kejadian manusia dalam penerangan surah ini.

******

Makna Tujuh Petala Langit

وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا فَوۡقَكُمۡ سَبۡعَ طَرَآئِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ ٱلۡخَلۡقِ غَٰفِلِينَ ﴿١٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami."(17)

Kata-kata "طرآئق" bererti petala-petala atau lapisan yang bertingkat-tingkat satu di atas yang lain atau di belakang yang lain. Mungkin yang dimaksudkan dengan tujuh petala di sini ialah tujuh orbit atau jalan peredaran atau tujuh kelompok bintang-bintang seperti kelompok matahari (sistem solar) atau tujuh gabungan sadim[6] (kabus bintang-bintang atau nebula). Mengikut ahli ilmu astronomi gabungan sadim itu ialah kelompok-kelompok bintang. Walau bagaimanapun yang dimaksudkan dengan tujuh petala langit itu ialah tujuh makhluk angkasa yang wujud di atas manusia. Kedudukan makhluk-makhluk ini di angkasa raya adalah lebih tinggi dari kedudukan bumi. Ia diciptakan Allah dengan tadbir yang rapi dan dengan kebijaksanaan yang amat tinggi dan dijaga dan dikawal dengan undang-undang yang rapi:

وَمَا كُنَّا عَنِ ٱلۡخَلۡقِ غَٰفِلِينَ ﴿١٧﴾

وَأَنزَلۡنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءَۢ بِقَدَرٖ فَأَسۡكَنَّٰهُ فِي ٱلۡأَرۡضِ

[6] *Asal perkataan* "سديما"

"Dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpankannya di dalam bumi dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu."(18)

Di sini tujuh petala langit itu mempunyai hubungan yang rapat dengan bumi, kerana air hujan itu turun dari langit dan mempunyai hubungan dengan jirim-jirim langit itu. Penciptaan alam buana dengan peraturan yang wujud sekarang inilah yang membolehkan turunnya air hujan dari langit, juga membolehkan air itu disimpan di dalam bumi.

Teori yang mengatakan bahawa air dalam bumi itu terjadi dari air permukaan bumi yang berasal dari air hujan yang kemudian melesap ke dalam bumi, di mana ia disimpankan adalah satu teori yang baru, tetapi ayat Al-Qur'an ini telah pun menjelaskan hakikat itu kira-kira seribu tiga ratus tahun sebelum ini:

وَأَنزَلۡنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءَۢ بِقَدَرٖ

"Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar)"(18)

yakni mengikut pertimbangan yang bijaksana dan tadbir yang rapi agar ia tidak terlalu banyak hingga menjadi banjir yang menenggelam dan merosakkan dan tidak pula terlalu sedikit hingga menjadi kemarau dan tandus, dan tidak pula di luar waktu-waktunya yang wajar hingga menjadi sia-sia tanpa faedah:

فَأَسۡكَنَّٰهُ فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Lalu Kami simpankannya di dalam bumi"(18)

alangkah serupanya air yang tersimpan di dalam bumi itu dengan air nutfah yang tersimpan di dalam rahim ibu (yang disebut dalam ayat berikut:)

فِي قَرَارٖ مَّكِينٖ ﴿١٣﴾

"(Yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim)."(13)

Kedua-dua jenis air itu disimpan di tempat-tempat itu dengan tadbir Ilahi untuk melahirkan makhluk yang hidup. Inilah salah satu penyelarasan pemandangan-pemandangan mengikut cara Al-Qur'an dalam menggambarkan pemandangan-pemandangan.

وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابِۭ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu"(18)

dengan menjadikan air itu meresap ke dalam lapisan-lapisan bumi yang dalam dengan sebab-sebab pecah atau terbelahnya lapisan-lapisan batu yang menakungkan air itu atau dengan sebab-sebab yang lain dari ini, kerana Allah yang berkuasa menyimpankan air itu dengan qudrat-Nya adalah

berkuasa pula menghapus dan menghilangkannya. Sesungguhnya air itu hanya merupakan limpah kurnia dan ni'mat Allah kepada manusia.

Dari air terjadinya makhluk-makhluk yang hidup:

فَأَنشَأْنَا لَكُم بِهِۦ جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَٰكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾

"Lalu Kami adakan untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan."(19)

Di Antara Air Nutfah Dan Air Hujan

Pokok-pokok kurma dan anggur merupakan dua contoh makhluk-makhluk yang hidup yang terjadi dari air di dalam alam tumbuh-tumbuhan sebagaimana terjadinya makhluk manusia dari air nutfah di dalam alam insan. Kedua-duanya merupakan dua contoh yang dekat untuk difahami orang-orang yang dihadapkan Al-Qur'an kepada mereka pada masa itu kerana kedua-dua contoh itu dapat menunjukkan kepada berbagai-bagai contoh makhluk yang serupa yang hidup dengan air.

Di antara pokok-pokok yang lain, Al-Qur'an menyebut pokok zaitun secara khusus:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِّلْءَاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan."(20)

Pokok zaitun merupakan pokok yang paling banyak gunanya iaitu ia berguna dengan minyaknya, berguna dengan nilai makanannya dan berguna dengan kayu-kayannya. Oleh sebab inilah Al-Qur'an menyebut tempat tumbuh pokok ini secara khusus. Ia tumbuh (dan hidup subur) di sana dengan air yang tersimpan di dalam bumi.

Dari alam tumbuh-tumbuhan Al-Qur'an meningkat pula ke alam haiwan:

Haiwan Ternakan Merupakan Sumbangan Rezeki Manusia

"Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan."(21)

Kejadian makhluk-makhluk ini yang dijadikan untuk faedah manusia dengan qudrat dan tadbir Allah yang rapi, yang mengagihkan fungsi-fungsi dan ciri-ciri di dalam alam yang besar ini adalah menjadi contoh-contoh pengajaran kepada orang-orang yang melihatnya dengan hati yang terbuka dan memikirkan hikmat dan tadbir Ilahi di sebalik kejadian makhluk-makhluk itu. Di sana mereka dapat melihat bahawa susu yang sedap dan citarasa yang diminum manusia itu adalah terbit dari dalam perut binatang-binatang itu. Ia dikeluarkan dari makanan-makanan yang dihadam dan dicernakannya kemudian kelenjar-kelenjar susu binatang itu akan mengubahkannya menjadi air susu yang lazat dan citarasa.

وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ كَثِيرَةٌ

"Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu"(21)

di sini Al-Qur'an menyebut manfa'at-manfa'atnya secara umum kemudian ia menyebut dua manfa'atnya yang lain secara khusus:

وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

"Dan darinya kamu mendapat makanan (21)."

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

Alat-alat Pengangkutan Darat Dan Laut

Allah telah menghalalkan kepada manusia makan haiwan ternakan iaitu unta, lembu, biri-biri dan kambing, tetapi Allah tidak menghalalkan kepada mereka mengazab dan menyeksakan haiwan itu, kerana perbuatan makan mendatangkan faedah yang perlu di dalam peraturan hidup, sedangkan perbuatan mengazab dan menyeksa itu adalah terbit dari hati yang kejam dan fitrah yang rosak dan ia tidak memberi apa-apa faedah kepada yang hidup.

Di dalam ayat ini Al-Qur'an mengaitkan di antara pengangkutan manusia di atas belakang-belakang haiwan ternakan dengan pengangkutan mereka di atas kapal-kapal, kerana kedua-duanya telah diciptakan Allah untuk kemudahan manusia belaka dengan peraturannya yang meliputi alam buana, iaitu peraturannya yang mengatur fungsi-fungsi seluruh makhluk di samping menyelaraskan di antara kewujudan semua makhluk itu. Oleh itu penciptaan air dengan strukturnya yang khusus, penciptaan kapal-kapal dengan strukturnya yang khusus dan struktur khusus tabi'at angin yang berhembus di atas air dan kapal-kapal dengan struktur yang khusus itulah yang membolehkan kapal-kapal itu melampung di atas permukaan air. Andainya salah satu dari tiga struktur itu kacau atau bercanggah walaupun sedikit

sudah tentu tidak mungkin berlangsungnya pelayaran yang telah dikenali manusia dari zaman dahulu itu dan sehingga sekarang kegiatan pelayaran masih menjadi alat pergantungan manusia yang amat besar.

Semuanya ini merupakan dalil-dalil alam yang dapat menegakkan keimanan kepada orang-orang yang memikirkannya dengan kefahaman dan pengertian yang mendalam. Semuanya mempunyai hubungan yang selaras dan serasi dengan bahagian yang pertama dan bahagian yang kedua surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 23 - 52)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ
مَلَٰٓئِكَةً مَّا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِىٓ ءَابَآئِنَا ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌۢ بِهِۦ جِنَّةٌ فَتَرَبَّصُوا۟ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٢٦﴾
فَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ أَنِ ٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا
فَإِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ ۙ فَٱسْلُكْ فِيهَا مِن كُلٍّ
زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ
مِنْهُمْ ۖ وَلَا تُخَٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۖ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٢٧﴾
فَإِذَا ٱسْتَوَيْتَ أَنتَ وَمَن مَّعَكَ عَلَى ٱلْفُلْكِ فَقُلِ ٱلْحَمْدُ
لِلَّهِ ٱلَّذِى نَجَّىٰنَا مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٨﴾
وَقُل رَّبِّ أَنزِلْنِى مُنزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٢٩﴾
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ وَإِن كُنَّا لَمُبْتَلِينَ ﴿٣٠﴾
ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾
فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ
غَيْرُهُۥٓ ۖ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾
وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ
ٱلْءَاخِرَةِ وَأَتْرَفْنَٰهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا
تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾
وَلَئِنْ أَطَعْتُم بَشَرًا مِّثْلَكُمْ إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٣٤﴾
أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم
مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾
هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٣٦﴾
إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ
بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ
بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾
قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً ۚ فَبُعْدًا
لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾
ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قُرُونًا ءَاخَرِينَ ﴿٤٢﴾
مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾
ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرَا ۖ كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ
فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ ۚ فَبُعْدًا
لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾
ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَٰرُونَ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ
مُّبِينٍ ﴿٤٥﴾
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾
فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَـٰبَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

وَجَعَلْنَا ٱبْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُۥٓ ءَايَةً وَءَاوَيْنَـٰهُمَآ إِلَىٰ رَبْوَةٍ ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَـٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَـٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَـٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapa kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(23). Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu. Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat. Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala (24). Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu (25). Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (26). Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air, maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis, juga masukkan keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka. Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya (27). Dan apabila engkau dan orang-orang yang bersama engkau telah siap menaiki bahtera itu, maka ucapkanlah (kesyukuran): Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menyelamatkan kami dari kaum yang zalim (28). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Turunkanlah aku di tempat yang penuh keberkatan dan Engkaulah sebaik-baik penurun yang memberi tempat kediaman (29). Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah dan sesungguhnya Kami menguji (manusia) (30). Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain (31). Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(32) Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi (34). Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali (37). Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya (38). Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (39). Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal (40). Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir, maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim (41). Kemudian Kami ciptakan selepas mereka umat-umat yang lain (42). Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya (43). Kemudian Kami utuskan rasul-rasul Kami berturut-turut. Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya. Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia), amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman (44). Kemudian Kami utuskan Musa dan saudaranya Harun membawa ayat-ayat Kami dan hujjah yang amat nyata (45). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya lalu mereka menunjukkan sikap yang angkuh dan mereka sememangnya satu kaum yang amat sombong (46). Lalu mereka berkata: Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita, sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita?(47) Lalu mereka mendustakan kedua-duanya dan jadilah mereka dari golongan manusia yang dibinasakan (48). Dan sesungguhnya Kami kurniakan Musa kitab Taurat supaya mereka mendapat hidayat (49). Dan Kami telah jadikan anak Maryam dan ibunya sebagai satu bukti (kekuasaan Kami) dan Kami berikan tempat perlindungan kepada keduanya di sebuah dataran tinggi yang mempunyai tanah-tanah yang terhampar dan matair yang mengalir (50). Wahai para rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an berpindah dari pembicaraan tentang dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian-kejadian diri manusia dan makhluk-makhluk di alam buana kepada pembicaraan mengenai hakikat iman yang dibawa para rasul seluruhnya, serta menerangkan bagaimana sambutan manusia terhadap hakikat yang tunggal itu, iaitu hakikat yang tidak berubah di sepanjang zaman dan tidak berubah dengan kedatangan risalah-risalah dan kebangkitan para rasul yang berturut-turut sejak Nabi Nuh a.s. Di sana kita melihat angkatan para rasul atau umat-umat para rasul. Mereka menyampaikan kepada manusia kalimat da'wah yang sama, yang mempunyai pengertian dan tujuan yang sama. Walaupun kalimat ini disampaikan dengan berbagai-bagai bahasa para rasul yang diutuskan kepada kaum mereka masing-masing, namun terjemahannya satu sahaja di dalam bahasa Arab. Kalimat da'wah yang disampaikan Nabi Nuh a.s. itulah juga kalimat da'wah yang sama yang

dihambur oleh setiap rasul yang datang selepas beliau, dan kalimat da'wah itu dijawab oleh manusia dengan satu jawapan sahaja. Dan kata-kata jawapan itu pula hampir-hampir sama di sepanjang abad.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 30)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾ فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً مَّا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِىٓ ءَابَآئِنَا ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌۢ بِهِۦ جِنَّةٌ فَتَرَبَّصُوا۟ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapa kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(23) Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu. Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat. Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala (24). Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu (25).

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia"(23)

itulah kalimatul-haq yang tidak pernah berubah. Itulah kalimatul-haq yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud, dan itulah kalimatul-haq yang disaksikan seluruh makhluk di alam al-wujud.

أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾

"Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?"(23)

Nuh Mengadap Kaumnya Yang Berfikiran Sempit Dan Jumud

dan tidak takut kepada akibat keingkaran kamu terhadap hakikat utama ini, yang menjadi tapak asas segala hakikat yang lain? Mengapakah kamu tidak merasa bersalah terhadap kebenaran yang amat jelas itu apabila kamu mengingkarkannya? Dan mengapa kamu tidak merasa bahawa kesalahan itu wajar dibalas dengan 'azab yang amat pedih?

Tetapi para pembesar kaum Nuh yang kafir itu tidak pernah membincangkan kalimatul-haq itu dan tidak memikirkan bukti-buktinya. Mereka tidak dapat menghindarkan diri mereka dari pandangan sempit yang terikat dengan diri mereka dan diri Nuh yang menyeru mereka. Mereka tidak mengangkatkan diri mereka ke ufuk yang bebas, di mana mereka dapat melihat hakikat kalimat da'wah yang agung itu terlepas dari pandangan-pandangan mengenai peribadi-peribadi dan batang tubuh-batang tubuh. Kerana itu mereka meninggalkan hakikat kalimah da'wah yang agung yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud yang disaksikan Oleh segala kejadian alam itu untuk memperkatakan tentang peribadi Nuh:

فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ

"Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu."(24)

Dari sudut yang sempit dan kecil inilah kaum Nuh melihat da'wah yang agung itu. Mereka tidak memahami tabi'at da'wah yang agung itu dan tidak nampak hakikatnya. Tubuh-tubuh mereka yang kecil dan kerdil itu telah melindungkan mereka dari hakikat itu. Dan membuat mata mereka buta dari melihat unsur hakikat itu. Peribadi-peribadi mereka yang kecil dan kerdil itu telah menjadi batu penghalang yang melindungkan hati mereka dari hakikat itu. Kerana itu seluruh persoalan ini pada pandangan mereka ialah persoalan batang tubuh atau peribadi seorang lelaki (Nuh) dari kalangan mereka, yang tidak berbeza suatu apa dari mereka, lelaki yang mahu mengangkatkan dirinya lebih tinggi dari mereka dan mahu meletakkan martabat dirinya mengatasi martabat mereka!

Mereka bangkit dengan semangat kerdil yang terburu-buru itu untuk menolak Nuh dari martabat yang disangkakan mereka sedang diperjuangkan oleh beliau untuk mendapatkannya melalui dakwaan menjadi Rasul, tetapi kebangkitan mereka dengan semangat kerdil yang terburu-buru itu bukan sahaja menolak kelebihan Nuh, malah menolak kelebihan umat manusia, sedangkan mereka sebahagian darinya. Mereka menolak penghormatan Allah terhadap umat manusia dan menganggap sebagai terlalu banyak bagi Allah untuk mengirimkan seorang rasul dari bangsa manusia, dan jika Allah benar-benar perlu hendak mengirimkan Rasul tentulah:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً

"Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat."(24)

Mereka berkata begitu kerana mereka tidak menemui di dalam jiwa mereka tiupan Ilahi yang luhur, yang menghubungkan manusia dengan al-Mala'ul-'Ala dan membolehkan manusia-manusia pilihan (para rasul) menerima nur limpahan Ilahi untuk

disampaikan kepada saudara-saudara mereka kaum manusia agar mereka dapat menunjukkan kepada manusia sumber nur hidayat yang gemilang.

Mereka hanya merujukkan perkara ini kepada adat-adat kebiasaan sahaja dan bukannya merujukkan kepada akal yang sanggup berfikir dengan teliti.

مَّا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾

"Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala."(24)

Perkara yang seperti ini sentiasa berlaku apabila sikap bertaqlid buta itu telah memadamkan harakat berfikir dan menghapuskan kebebasan hati nurani. Ketika itu manusia tidak lagi memikirkan persoalan-persoalan yang wujud di hadapan mereka dengan teliti agar dengan panduan cahaya realiti mereka dapat mengetahui keputusan mengenainya secara langsung, malah mereka mencari satu "contoh yang terdahulu" di dalam timbunan sejarah zaman lampau untuk dijadikannya pegangan mereka. Dan apabila contoh yang terdahulu ini tidak ditemui, maka mereka akan terus menolak persoalan itu.

Menurut hemat kumpulan-kumpulan manusia yang kafir dan mati akal, sesuatu yang telah berlaku sekali mungkin pula berlaku kali yang kedua, dan sesuatu yang tidak pernah berlaku tidak mungkin akan berlaku. Beginilah caranya harakat hidup mereka menjadi beku, tidak bergerak dan terpaku langkah-langkahnya pada generasi yang tertentu dari angkatan "nenek moyang kita yang terdahulu."

Alangkah baiknya jika mereka sedar bahawa mereka adalah golongan manusia yang jumud dan berfikiran yang membatu, tetapi sebaliknya mereka menuduh penda'wah-penda'wah yang menyeru mereka supaya berfikir dengan bebas itu sebagai orang-orang gila. Para penda'wah itu mengajak mereka berfikir dengan teliti dan menghapuskan segala halangan yang wujud di antara hati nurani mereka dengan dalil-dalil iman yang jelas terbentang di alam al-wujud, tetapi mereka menyambut ajakan itu dengan sombong dan melemparkan tuduhan:

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌۢ بِهِۦ جِنَّةٌ فَتَرَبَّصُوا۟ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾

"Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu."(25)

Yakni tunggulah sehingga dia (Nuh) disambar maut yang akan merehatkan kamu darinya dan dari da'wahnya dan dari pendapat-pendapatnya yang baru, yang mahu dipaksakannya ke atas kamu.

Sampai di sini Nabi Nuh a.s. tidak dapat lagi menemui satu pintu pun untuk menembusi ke dalam hati kaumnya yang beku dan membatu itu, beliau tidak lagi dapat menemui satu tempat selamat yang melindungkan beliau dari ejekan dan gangguan-gangguan mereka yang jahat melainkan hanya bertawajjuh kepada Allah sahaja, di mana beliau merayu kepada-Nya terhadap pendustaan yang diterima beliau dari mereka dan memohon pertolongan-Nya terhadap pendustaan ini:

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٢٦﴾

"Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku."(26)

Apabila manusia yang hidup membeku sedemikian rupa, sedangkan hidup mahu bergerak ke depan menuju jalan kesempurnaan yang ditetapkan Allah, tiba-tiba ia dapati mereka menjadi batu penghalang, maka pilihannya ialah sama ada manusia-manusia yang membatu itu dihancurleburkan atau hidup berjalan terus meninggalkan mereka di tempat itu. Pilihan yang pertama itulah yang telah berlaku kepada kaum Nuh. Ini disebabkan kerana mereka merupakan angkatan pertama umat manusia yang berada di permulaan jalan. Oleh itu iradat Allah menghendaki supaya mereka dihapuskan dari jalan itu:

فَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ أَنِ ٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا فَإِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ فَٱسْلُكْ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ مِنْهُمْ وَلَا تُخَٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٢٧﴾

"Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air, maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis, juga masukkan keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka. Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya."(27)

Demikianlah Sunnatullah bertindak membersihkan jalan dari manusia yang berjiwa batu yang menjadi penghalang-penghalang agar hidup dapat meneruskan perjalanannya mengikut jalan yang telah ditentukan Allah. Apabila umat manusia telah menjadi begitu rosak di zaman Nuh dan membeku seperti pokok muda yang terbantut kesuburannya kerana dihinggapi penyakit. Lalu ia menjadi kering dan lemah, sedangkan batangnya masih kecil, maka ubatnya ialah banjir besar yang mencabut dan menghanyutkan segala-galanya dan membersih bumi untuk ditanam semula dengan benih manusia yang baik supaya ia tumbuh dan subur dengan bersih hingga ke suatu masa yang tertentu:

فَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ أَنِ ٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا

"Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami."(27)

Banjir Nuh Merupakan Proses Pembersihan Bumi Dari Manusia Sampah

Bahtera itu merupakan alat untuk menyelamatkan diri dari malapetaka banjir dan untuk memelihara benih-benih manusia yang baik supaya dapat ditanam semula. Allah telah menghendaki supaya Nuh membuat sebuah bahtera dengan tangannya sendiri, kerana manusia pasti menggunakan sebab-sebab dan alat-alat serta mengorbankan segala usaha dan daya upayanya agar ia benar-benar wajar mendapat pertolongan Allah. Pertolongan itu tidak datang kepada orang-orang yang hanya duduk beristirehat dan menunggu tanpa membuat sesuatu yang lebih dari menunggu! Nabi Nuh a.s. telah ditaqdirkan Allah menjadi bapa manusia yang kedua. Beliau telah diperintah supaya menggunakan sebab-sebab dan alat-alat di samping dilindungi dengan ri'ayah-Nya. Beliau diajar Allah pertukangan membuat bahtera supaya perintah dan kehendak Allah terlaksana dengan cara ini.

Allah telah menetapkan kepadanya satu alamat yang menandakan bermulanya proses pembersihan yang meliputi seluruh permukaan bumi yang berpenyakit itu:

فَإِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ

"Sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air..."(27)

yakni apabila air keluar dari dapur itu, maka itulah alamat supaya Nuh bertindak segera mengisikan bahtera itu dengan benih-benih hayat:

فَٱسۡلُكۡ فِيهَا مِن كُلّٖ زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ

"Maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis"(27)

haiwan, burung-burung dan tumbuh-tumbuhan yang terkenal kepada Nuh di zaman itu dan juga memberi kemudahan kepada manusia:

وَأَهۡلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيۡهِ ٱلۡقَوۡلُ مِنۡهُمۡۖ

"Juga (masukkan) keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka"(27)

iaitu anggota-anggota keluarganya yang kafir dan mendustakan Nuh. Merekalah orang-orang yang wajar menerima keputusan Allah yang telah ditetapkan ke atas mereka dan menerima tindakan Sunnatullah yang telah diluluskan, iaitu menerima hukuman kebinasaan ke atas orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah.

Satu perintah yang akhir telah dikeluarkan kepada Nabi Nuh a.s. supaya beliau jangan merundingkan urusan mana-mana orang dari mereka dan jangan cuba menyelamatkan sesiapa sahaja dari mereka walaupun dia dari anggota keluarga yang paling dekat dari orang-orang yang telah ditetapkan keputusan binasa ke atas mereka.

وَلَا تُخَٰطِبۡنِي فِي ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِنَّهُم مُّغۡرَقُونَ ﴿٢٧﴾

"Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya."(27)

Sunnatullah tidak memilih kasih dan memilih bulu. Ia tidak pernah menyeleweng dari relnya yang tunggal dan lurus kerana mengambil hati orang-orang kesayangan atau orang dekat!

Di sini Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah yang telah berlaku kepada kaum Nuh selepas menerima perintah itu. Apa yang dijelaskan ialah perintah Allah itu telah terlaksana dan "sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya", tetapi Nuh a.s. terus diajar bagaimana cara bersyukur dan memuji Allah atas ni'mat dan limpah kurnia-Nya dan bagaimana cara memohon hidayat menuju ke jalan-Nya:

فَإِذَا ٱسۡتَوَيۡتَ أَنتَ وَمَن مَّعَكَ عَلَى ٱلۡفُلۡكِ فَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِي نَجَّىٰنَا مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٨﴾
وَقُل رَّبِّ أَنزِلۡنِي مُنزَلٗا مُّبَارَكٗا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلۡمُنزِلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan apabila engkau dan orang-orang yang bersama engkau telah siap menaiki bahtera itu, maka ucapkanlah (kesyukuran): Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menyelamatkan kami dari kaum yang zalim (28). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Turunkanlah aku di tempat yang penuh keberkatan dan Engkaulah sebaik-baik penurun yang memberi tempat kediaman."(29)

Demikianlah beliau memuji Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dan demikianlah beliau menyifatkan Allah dengan sifat-sifat-Nya yang wajar dan mengakui segala limpah kurnia-Nya. Demikianlah beliau menunjukkan adab sopan kepada Allah sebagai kewajipan para hamba terutama para Anbia' supaya mereka menjadi contoh ikutan kepada orang-orang yang lain.

Kemudian Al-Qur'an mengulaskan seluruh kisah itu, di mana setiap babaknya mengandungi bukti-bukti qudrat dan hikmat Allah:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ وَإِن كُنَّا لَمُبۡتَلِينَ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah dan sesungguhnya Kami menguji (manusia)."(30)

Jenis-jenis Ujian Allah

Ujian Allah itu beraneka rupa. Ada ujian untuk menduga kesabaran. Ada ujian untuk menduga kesyukuran. Ada ujian untuk dikurniakan pahala. Ada ujian untuk memberi panduan dan bimbingan. Ada ujian untuk mengajar disiplin. Ada ujian untuk menduga dan menilai mutu. Dan di dalam kisah Nuh terdapat berbagai ujian Allah terhadap beliau, terhadap kaumnya dan terhadap anak cucu cicitnya yang akan datang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 41)

Al-Qur'an terus menayangkan sebuah pemandangan yang lain pula dari pemandangan-pemandangan kebangkitan rasul-rasul yang sama dan pendustaan yang berulang-ulang (yang dihadapi mereka):

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱلْءَاخِرَةِ وَأَتْرَفْنَٰهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾

وَلَئِنْ أَطَعْتُم بَشَرًا مِّثْلَكُمْ إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٣٤﴾

أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾

هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٣٦﴾

إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾

قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً ۚ فَبُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain (31). Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(32) Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi (34). Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali (37). Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya (38). Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (39). Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal (40). Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir, maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim."(41)

Pembentangan kisah-kisah para rasul di dalam surah ini bukan bertujuan untuk menceritakannya dengan panjang lebar, malah untuk menjelaskan da'wah yang sama yang di bawa oleh para rasul itu dan sambutan yang sama yang diterima mereka dari kaum mereka masing-masing. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan dengan kisah Nabi Nuh a.s. untuk menentukan titik permulaan dan mengakhiri dengan kisah Musa dan Isa untuk menentukan titik penghabisan sebelum kedatangan Rasul yang akhir. Ia tidak menyebut nama-nama para anbia' yang lain di tengah-tengah rangkaian kisah-kisah yang panjang itu untuk menunjukkan babak-babak kisah yang bersamaan dari mula sehingga akhir, malah ia hanya menyebut tentang da'wah yang sama dan sambutan yang sama dalam setiap babak kisah itu, kerana inilah yang menjadi tujuan (dari penceritaan kisah-kisah itu).

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain."(31)

Al-Qur'an tidak menentukan siapakah mereka, tetapi menurut pendapat yang lebih rajih mereka ialah 'Ad kaum Nabi Hud a.s.

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۖ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

"Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?"(32)

Itulah kalimat da'wah yang sama yang dihamburkan oleh Nuh sebelum Hud. Al-Qur'an menceritakannya dengan lafaz-lafaz yang sama walaupun berlain-lainan bahasa yang dituturkan umat-umat itu.

Apakah jawapan kaumnya?

Jawapannya juga hampir sama:

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱلْـَٔاخِرَةِ وَأَتْرَفْنَـٰهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مَا هَـٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾

وَلَئِنْ أَطَعْتُم بَشَرًا مِّثْلَكُمْ إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَـٰسِرُونَ ﴿٣٤﴾

"Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi."(34)

Kemewahan Merosakkan Jiwa Manusia

Bantahan yang berulang-ulang ialah bantahan tentang Rasul itu dipilih dari bangsa manusia, iaitu bantahan yang terbit akibat putusnya hubungan di antara hati para pembesar yang mewah itu dengan tiupan roh Ilahiyah yang luhur yang menghubungkan manusia dengan Penciptanya Yang Maha Mulia.

Kemewahan merosakkan fitrah manusia dan menjadikan perasaan-perasaannya kasar. Ia menutupkan pintu-pintu hati manusia dan menyebabkan hati mereka hilang daya kepekaannya yang dapat menerima, merasa dan menyambut. Dari sinilah Islam memerangi kemewahan dan membangunkan sistem kemasyarakatannya di atas lunas-lunas yang tidak membolehkan wujudnya golongan mewah di dalam masyarakat Islam, kerana mereka merupakan bahan-bahan busuk yang merosakkan suasana sekelilingnya dan mengeluarkan ulat-ulat (yang merbahaya).

Kemudian golongan mewah itu menambahkan di sini keingkaran mereka terhadap kebangkitan semula selepas mati dan hancur lebur (ditelan bumi). Mereka melahirkan kehairanan mereka terhadap Rasul yang telah memberitahu kepada mereka tentang perkara yang aneh ini:

أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَـٰمًا أَنَّكُم مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾

هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٣٦﴾

إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

"Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran), apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali."(37)

Kebangkitan Selepas Mati Merupakan Kemuncak Perkembangan Hidup Manusia Yang Abadi

Orang-orang yang seperti mereka tidak dapat memahami hikmat hidup yang agung itu dan kehalusan tadbir Ilahi dalam semua peringkat perkembangannya untuk menyampaikannya kepada matlamatnya yang jauh, iaitu matlamat yang tidak terlaksana dengan sempurna di bumi ini, kerana kebaikan tidak dapat menerima balasannya yang sempurna dalam kehidupan dunia ini, begitu juga kejahatan, malah kedua-duanya hanya dapat menerima balasan yang sempurna di sana (di negeri Akhirat), di mana para Mu'minin yang soleh sampai ke kemuncak ni'mat hidup yang paling sempurna. Di sana mereka tidak akan digugatkan oleh sebarang ketakutan dan kepenatan, tidak akan dilanda perubahan dan kemusnahan kecuali dikehendaki Allah. Dan di sana juga orang-orang yang sesat dan mengikut jalan yang songsang akan sampai ke dasar hidup yang paling rendah, di mana kemanusiaan mereka disia-siakan dan di mana mereka akan berubah menjadi batu-batu atau seperti batu-batu!

Orang-orang yang seperti mereka tidak dapat memahami konsep-konsep itu. Mereka tidak menjadikan peringkat-peringkat perkembangan hidup yang pertama itu sebagai bukti yang dapat menunjukkan kepada peringkat-peringkat perkembangannya yang akhir. Mereka tidak sedar bahawa kekuatan Ilahi yang mentadbirkan peringkat-peringkat perkembangan itu tidak merentikan perjalanan hidup di peringkat mati dan hancur lebur (dimakan tanah) seperti yang difikirkan oleh mereka. Oleh sebab itulah mereka memperlihatkan kehairanan dan menganggap aneh apabila seseorang (Rasul) menjanjikan mereka bahawa mereka akan dikeluarkan semula (dari kubur-kubur mereka). Mengikut tanggapan mereka yang jahil perkara itu tidak mungkin berlaku, malah mereka menegaskan dengan penuh angkuh bahawa di sana hanya sekali hidup sahaja dan sekali mati sahaja, satu generasi mati, satu generasi yang lain pula hidup selepas mereka dan adapun orang-orang yang telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang kerangka itu, maka jauh sekali! Jauh sekali mereka akan hidup kembali seperti yang dikatakan oleh orang yang ganjil (Rasul) itu. Amat jauh sekali! Amat jauh sekali! Kemungkinan berlakunya kebangkitan semula seperti yang dikatakan oleh orang itu kerana mereka sekalian telah pun menjadi tulang-tulang yang hancur lebur.

Mereka tidak hanya sekadar berhenti di takuk kejahilan dan kelalaian dari memikirkan hikmat hidup yang didedahkan oleh peringkat-peringkat perkembangan yang pertama... Mereka tidak hanya berhenti di takuk kejahilan ini sahaja, malah mereka menuduh Rasul mereka melakukan pembohongan terhadap Allah, sedangkan mereka tidak mengenal Allah melainkan pada sa'at yang seperti ini sahaja untuk tujuan menuduh Rasul:

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾

"Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya."(38)

Sampai di sini Rasul itu tidak mempunyai pilihan yang lain melainkan berdo'a memohon pertolongan dari Allah seperti pertolongan yang dipohon oleh Nabi Nuh a.s. sebelumnya. Beliau berdo'a dengan kata-kata yang sama yang diucapkan oleh Nuh kepada Allah:

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾

"Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku."(39)

Ketika inilah do'a ini terus diperkenankan Allah setelah kaum itu menyempurnakan ajal mereka dan tidak ada lagi sebarang kebajikan yang dapat diharapkan dari mereka selepas kedegilan, kelalaian dan pendustaan yang ditunjukkan mereka:

قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal."(40)

Tetapi penyesalan itu tidak berguna lagi dan taubat juga tidak berfaedah lagi:

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً ۚ

"Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir."(41)

Yang dimaksudkan dengan "sampah-sampah banjir" ialah sampah sarap dari rumput-rampai dan berbagai-bagai benda yang berselerakan, yang tidak berguna dan berharga. Dan tidak mempunyai apa-apa kaitan di antaranya. Oleh sebab mereka telah meninggalkan ciri-ciri istimewa manusia yang dikurniakan Allah sebagai penghormatan kepada mereka dan oleh sebab mereka mengabaikan hikmat kewujudan mereka dalam kehidupan dunia ini dan memutuskan hubungan mereka dengan al-Mala'ul-'Ala, maka tidak ada lagi pada mereka sesuatu yang wajar mendapat penghormatan dari Allah. Oleh sebab itulah mereka menjadi sampah sarap seperti sampah-sampah banjir yang terbuang tanpa layanan dan perhatian. Itulah di antara mutiara-mutiara ungkapan Al-Qur'an yang amat seni.

Mereka bertambah hina lagi apabila mereka diusir dari rahmat Allah dan dijauhkan dari perhatian manusia:

فَبُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim."(41)

Iaitu jauh di dalam hidup, jauh dalam kenangan, jauh di alam kenyataan dan di alam hati.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Setelah itu Al-Qur'an menayangkan cerita umat-umat yang lain:

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قُرُونًا ءَاخَرِينَ ﴿٤٢﴾ مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾ ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرَا ۖ كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ ۚ فَبُعْدًا لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka umat-umat yang lain (42). Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya (43). Kemudian Kami utuskan rasul-rasul Kami berturut-turut. Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya. Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia), amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman."(44)

Demikianlah dengan ringkas Al-Qur'an menerangkan sejarah da'wah dan menjelaskan tindakan Sunnatullah yang berlaku di sepanjang zaman di antara masa Nabi Nuh a.s. dan Nabi Hud a.s. dalam siri pertama dan di antara Nabi Musa a.s. dengan Nabi Isa a.s. di dalam siri akhirnya. Setiap umat menyempurnakan ajal masing-masing dan berlalu:

مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾

"Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya."(43)

Seluruh mereka mendustakan Rasul:

كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ

"Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya."(44)

Dan setiap kali mereka mendustakan Rasul mereka dihukum oleh Sunnatullah:

فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا

"Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu."(44)

Kisah-kisah kebinasaan mereka tinggal menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mahu mengambil pengajaran:

وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ

"Dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia)"(44)

yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi.

Kemudian tayangan sepintas lalu ini diakhiri dengan kutukan pengusiran dan penghalauan dari mata dan hati:

فَبُعْدًا لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

"Amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman!"(44)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Keangkuhan Fir'aun

Kemudian Al-Qur'an secara ringkas menceritakan kisah kerasulan Nabi Musa a.s. dan pendustaan yang diterima olehnya agar sesuai dengan susunan pembentangan kisah-kisah dan matlamat yang dikehendaki darinya:

ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَٰرُونَ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٤٥﴾

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾

فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

"Kemudian Kami utuskan Musa dan saudaranya Harun membawa ayat-ayat Kami dan hujjah yang amat nyata (45). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya lalu mereka menunjukkan sikap yang angkuh dan mereka sememangnya satu kaum yang amat sombong (46). Lalu mereka berkata: Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita, sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita? (47) Lalu mereka mendustakan kedua-duanya dan jadilah mereka dari golongan manusia yang dibinasakan."(48)

Dalam penceritaan kisah ini ditonjolkan bantahan yang sama (dari Fir'aun dan kaumnya) terhadap konsep bangsa manusia menjadi Rasul:

فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا

"Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita?"(47)

Kemudian ditambah pula dengan suasana kedudukan Bani Israel yang rendah itu sendiri di negeri Mesir:

وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

"Sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita."(47)

Yakni mereka hidup diperkuda dan tunduk patuh (kepada kita). Kedudukan ini pada mata Fir'aun dan kaumnya merupakan alasan yang lebih wajar untuk memandang hina kepada Musa dan Harun. Adapun ayat-ayat dan mu'jizat-mu'jizat Allah yang ada pada Musa dan Harun itu, maka semuanya tidak memberi apa-apa kesan kepada hati mereka yang buta dan mereka terpengaruh sepenuhnya kepada suasana-suasana hidup dunia dan kedudukan-kedudukannya yang palsu dan nilai-nilainya yang murah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 50)

Isa Dan Bondanya Mariam Diberikan Perlindungan Di Sebuah Dataran Tinggi Yang Selesa

Kemudian Al-Qur'an menyebut secara ringkas cerita Isa ibn Maryam dan ibunya, juga mu'jizat penciptaannya yang jelas, iaitu mu'jizat yang sama dengan mu'jizat-mu'jizat Musa yang didustakan Fir'aun dan kaumnya:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

وَجَعَلْنَا ٱبْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُۥٓ ءَايَةً وَءَاوَيْنَٰهُمَآ إِلَىٰ رَبْوَةٍ ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami kurniakan Musa kitab Taurat supaya mereka mendapat hidayat (49). Dan Kami telah jadikan anak Maryam dan ibunya sebagai satu bukti (kekuasaan Kami) dan Kami berikan tempat perlindung-an kepada keduanya di sebuah dataran tinggi yang mempunyai tanah-tanah yang terhampar dan matair yang mengalir."(50)

Riwayat-riwayat telah berselisih dalam menentukan dataran tinggi yang disebut di dalam ayat ini. Di manakah dataran tinggi itu? Adakah ia terletak di negeri Mesir atau Damsyik atau di Baitul-Maqdis, iaitu tempat-tempat yang pernah dituju oleh Maryam membawa anaknya Isa a.s. semasa dalam usia bayi dan kanak-kanak sebagaimana diceritakan di dalam buku-buku mereka. Tujuan yang penting dari ayat ini bukanlah untuk menentukan tempat yang dituju oleh Maryam dan anaknya, malah tujuannya ialah untuk menceritakan bagaimana Allah melindungkan kedua-

duanya di suatu tempat yang baik, subur dengan tumbuh-tumbuhan dan mewah dengan matair yang mengalir, dan di sanalah mereka berdua mendapat sepenuh ri'ayah dan perlindungan dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 52)

Apabila salsilah kisah-kisah para rasul itu sampai kepada babak ini, Allah tujukan perintah-Nya kepada para rasul itu seolah-olah seluruh mereka sedang berhimpun di sebuah tanah lapang di dalam satu waktu, di mana perbezaan-perbezaan zaman dan tempat itu tidak diperhitungkan di hadapan hakikat kerasulan yang sama yang mengikatkan mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Wahai Para Rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Seruan Umum Kepada Para Rasul

Itulah seruan kepada para rasul supaya mereka melayani kehendak tabi'at kemanusiaan mereka yang diingkar dan dibantahkan oleh kaum mereka yang lalai:

كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Makanlah dari makanan-makanan yang baik"(51)

kerana makan itu adalah dari keperluan-keperluan hidup seluruh manusia. Makan dengan memilih makanan-makanan yang baik itulah yang dapat mengangkatkan darjat manusia, membersihkan dirinya dan menyambungkannya dengan alam al-Mala'ul-'Ala.

Mereka juga diseru supaya menjalankan kegiatan yang baik di bumi ini:

وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا

"Dan kerjakanlah amalan yang soleh"(51)

kerana kerja juga merupakan salah satu dari keperluan-keperluan hidup manusia, tetapi hanya kerja yang baik atau amalan yang soleh sahaja yang membezakan manusia-manusia yang baik dan terpilih. Oleh itu kerja yang baik itulah yang menjadi pengawal segala kegiatan kerja mereka, juga menjadi matlamat hidup mereka yang menghubungkan mereka dengan alam al-Mala'ul-'Ala.

Yang dituntut dari Rasul itu bukannya supaya ia membuang segala sifat-sifat kemanusiaannya, malah yang dituntut darinya ialah supaya ia membawa umat manusia ke mercunya yang mulia dan gemilang seperti yang dikehendaki Allah. Allah telah melantikkan para Anbia' selaku printis-printis yang mendaki mercu itu dan selaku contoh teladan kepada manusia. Allah akan menilaikan segala amalan mereka selepas itu dengan neraca pertimbangannya yang amat halus:

إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."(51)

Garis-garis zaman dan tempat itu hilang lenyap di hadapan persamaan hakikat da'wah yang dibawa para rasul, persamaan sifat yang membezakan mereka, persamaan Khaliq yang mengutuskan mereka dan persamaan tujuan yang dituju seluruh mereka:

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

(Kumpulan ayat-ayat 53 - 98)

فَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍۭ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

فَذَرْهُمْ فِى غَمْرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ هُم مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾

وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُم بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَهُمْ لَهَا سَٰبِقُونَ ﴿٦١﴾

وَلَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَلَدَيْنَا كِتَٰبٌ يَنطِقُ

بِٱلۡحَقِّ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ٦٢

بَلۡ قُلُوبُهُمۡ فِي غَمۡرَةٖ مِّنۡ هَٰذَا وَلَهُمۡ أَعۡمَٰلٞ مِّن دُونِ
ذَٰلِكَ هُمۡ لَهَا عَٰمِلُونَ ٦٣

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذۡنَا مُتۡرَفِيهِم بِٱلۡعَذَابِ إِذَا هُمۡ يَجۡـَٔرُونَ ٦٤

لَا تَجۡـَٔرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ٦٥

قَدۡ كَانَتۡ ءَايَٰتِي تُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَكُنتُمۡ عَلَىٰٓ أَعۡقَٰبِكُمۡ
تَنكِصُونَ ٦٦

مُسۡتَكۡبِرِينَ بِهِۦ سَٰمِرٗا تَهۡجُرُونَ ٦٧

أَمۡ لَمۡ يَعۡرِفُواْ رَسُولَهُمۡ فَهُمۡ لَهُۥ مُنكِرُونَ ٦٩

أَمۡ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةُۢۚ بَلۡ جَآءَهُم بِٱلۡحَقِّ وَأَكۡثَرُهُمۡ
لِلۡحَقِّ كَٰرِهُونَ ٧٠

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلۡحَقُّ أَهۡوَآءَهُمۡ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ
وَمَن فِيهِنَّۚ بَلۡ أَتَيۡنَٰهُم بِذِكۡرِهِمۡ فَهُمۡ عَن ذِكۡرِهِم
مُّعۡرِضُونَ ٧١

أَمۡ تَسۡـَٔلُهُمۡ خَرۡجٗا فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيۡرٞۖ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ٧٢

وَإِنَّكَ لَتَدۡعُوهُمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٧٣

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ
لَنَٰكِبُونَ ٧٤

وَلَوۡ رَحِمۡنَٰهُمۡ وَكَشَفۡنَا مَا بِهِم مِّن ضُرّٖ لَّلَجُّواْ فِي
طُغۡيَٰنِهِمۡ يَعۡمَهُونَ ٧٥

وَلَقَدۡ أَخَذۡنَٰهُم بِٱلۡعَذَابِ فَمَا ٱسۡتَكَانُواْ لِرَبِّهِمۡ وَمَا
يَتَضَرَّعُونَ ٧٦

حَتَّىٰٓ إِذَا فَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَابٗا ذَا عَذَابٖ شَدِيدٍ إِذَا هُمۡ
فِيهِ مُبۡلِسُونَ ٧٧

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا
مَّا تَشۡكُرُونَ ٧٨

وَهُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ٧٩

وَهُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ وَلَهُ ٱخۡتِلَٰفُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ
أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٨٠

بَلۡ قَالُواْ مِثۡلَ مَا قَالَ ٱلۡأَوَّلُونَ ٨١

قَالُوٓاْ أَءِذَا مِتۡنَا وَكُنَّا تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا
لَمَبۡعُوثُونَ ٨٢

لَقَدۡ وُعِدۡنَا نَحۡنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبۡلُ إِنۡ هَٰذَآ
إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٨٣

قُل لِّمَنِ ٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٨٤

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ٨٥

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبۡعِ وَرَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ٨٦

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَتَّقُونَ ٨٧

قُلۡ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا
يُجَارُ عَلَيۡهِ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٨٨

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ فَأَنَّىٰ تُسۡحَرُونَ ٨٩

بَلۡ أَتَيۡنَٰهُم بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ٩٠

مَا ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ مِن وَلَدٖ وَمَا كَانَ مَعَهُۥ مِنۡ إِلَٰهٍۚ إِذٗا
لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهِۭ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَا بَعۡضُهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۚ
سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ٩١

عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ٩٢

قُل رَّبِّ إِمَّا تُرِيَنِّي مَا يُوعَدُونَ ٩٣

رَبِّ فَلَا تَجۡعَلۡنِي فِي ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ٩٤

وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾

وَقُل رَّبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَٰتِ ٱلشَّيَٰطِينِ ﴿٩٧﴾

وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing (53). Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu (54). Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa....? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka? (Tidak begitu), tetapi mereka tidak sedar (56). Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berwaspada kerana takut kepada Tuhan mereka (57). Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka (58). Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka (59). Dan mereka yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka (60). Merekalah orang-orang yang pantas melakukan kebaikan-kebaikan dan selain itu merekalah orang-orang yang mendahuluinya (61). Dan Kami tidak mentaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya, dan pada Kami terdapat sebuah buku rekod amalan yang menjelaskan segala-galanya dengan benar, dan selain itu mereka tidak akan dianiayai (62). Tetapi hati mereka berada di dalam kesesatan terhadap (kebenaran Al-Qur'an) ini dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk) yang sentiasa dilakukan mereka (63). Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan (64). Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini, kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami (65). Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Kamu menunjukkan sikap yang angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang memburuk-burukkannya ketika berbual-bual di waktu malam (67). Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu? (68) Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka, maka kerana itu mereka mengingkarkannya? (69) Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila? (Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar (70). Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya, bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka (71). Atau apakah engkau meminta upah dari mereka? Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik-lagi, dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki (72). Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus (73). Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus (74). Dan jika Kami memberi rahmat kepada mereka dan menghapuskan bala bencana yang dideritai mereka nescaya mereka akan terus juga terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka (75). Dan sesungguhnya Kami pernah menimpakan 'azab ke atas mereka, tetapi mereka tidak juga tunduk kepada Tuhan mereka dan tidak pula berdo'a (kepada-Nya) dengan merendahkan diri (76). Sehingga apabila Kami bukakan ke atas mereka sebuah pintu 'azab yang amat dahsyat, tiba-tiba mereka terus menjadi bingung dan putus asa (77). Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur (78). Dan Dialah yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan (79). Dan Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang, mengapakah mereka tidak berfikir? (80) Malah mereka berkata sama seperti apa yang telah dikatakan oleh orang-orang yang dahulu (81). Mereka berkata: Jika kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan dibangkitkan kembali? (82) Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulukala sahaja (83). Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui? (84) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'arasy yang agung? (86) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui (88). Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)? (89) Bahkah Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta (90). Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya (dan jika ada), tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (91). Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka (92). Katakanlah: Wahai Tuhanku! Jika Engkau hendak memperlihatkan kepadaku 'azab yang diancamkan kepada mereka... (93) Maka wahai Tuhanku! Janganlah engkau jadikanku termasuk dalam golongan kaum yang zalim itu (94). Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka (95). Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu) (96). Dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Aku pohon perlindungan pada-Mu dari bisikan-bisikan para syaitan (97). Dan aku berlindung pada-Mu wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Pelajaran yang ketiga surah ini dimulakan dengan menggambarkan keadaan manusia selepas umat para

rasul, iaitu keadaan manusia ketika Rasul yang akhir datang kepada mereka, di mana beliau dapati mereka berpecah belah dan bertelingkah di sekitar hakikat agama yang sama yang dibawa oleh seluruh Rasul sebelum ini.

Pelajaran ini menggambarkan kelalaian mereka dari ajaran yang benar, yang dibawa oleh Muhammad Khatamul-Mursalin s.a.w., juga menggambarkan kesesatan yang menyebabkan mereka tidak menghiraukan akibat buruk dari keadaan mereka yang sesat itu. Sementara orang-orang yang beriman pula tetap beribadat kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, namun demikian mereka masih merasa takut kepada akibat yang buruk dan hati mereka sentiasa merasa cemas apabila mengenangkan bahawa mereka kelak akan pulang kepada Allah. Di sana gambaran sikap berwaspada dan berhati-hati bertemu di dalam jiwa orang yang beriman dan gambaran sikap yang sesat dan lalai bertemu di dalam jiwa orang yang kafir.

Kemudian pelajaran ini membawa kaum Musyrikin ke dalam berbagai-bagai pengembaraan, sekali ia mengancam sikap mereka, sekali ia menayangkan kekeliruan-kekeliruan mereka, sekali pula ia mencubit hati mereka dengan bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri mereka dan kejadian-kejadian di alam buana dan sekali pula ia menghadapi mereka dengan hakikat-hakikat yang diterima mereka dan menggunakannya sebagai hujjah untuk mengalahkan mereka.

Kemudian pengembaraan-pengembaraan ini berakhir dengan meninggalkan mereka kepada nasib kesudahan mereka yang telah ditetap Allah dan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya meneruskan perjuangannya dan supaya jangan menyimpan perasaan marah terhadap sikap mereka yang degil, supaya beliau menolak perbuatan mereka yang jahat dengan perbuatan yang lebih baik dan supaya beliau berlindung pada Allah dari para syaitan yang memimpin mereka ke arah kesesatan yang amat nyata.

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 56)

فَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍۭ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

فَذَرْهُمْ فِى غَمْرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing (53). Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu (54). Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa....? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka? (Tidak begitu), tetapi mereka tidak sedar."(56)

Para Rasul Salawatullahi 'alaihim telah berlalu sebagai satu umat yang membawa da'wah yang sama, ibadat yang sama dan haluan yang sama, tetapi manusia selepas mereka telah berpecah belah kepada berbagai-bagai puak yang bertentangan satu sama lain. Mereka tidak bertemu pada satu sistem hidup dan pada satu jalan.

Pengungkapan Al-Qur'an yang indah telah menggambarkan pertentangan dan perbalahan mereka dengan suatu gambaran yang jelas dan dahsyat, iaitu mereka berbalah dalam agama mereka sehingga mereka mencaing-caingkannya menjadi hancur berkecai dengan tangan mereka sendiri, kemudian setiap puak membawa haluan masing-masing dengan caing-caingan agama yang ada pada tangan mereka. Mereka membawa haluan masing-masing dengan perasaan penuh bangga tanpa memikir dan menghiraukan sesuatu apa. Mereka berlalu menuju haluan masing-masing dengan menutup segala pintu yang boleh memasukkan udara yang bebas dan cahaya yang terang. Dan semua puak terus hidup di dalam kesesatan dan dalam keadaan yang lalai dan terkongkong kepada kesesatan itu. Mereka hidup tersorok tidak ditembusi udara yang menyegar dan cahaya yang cerah.

Ketika Al-Qur'an melukiskan gambaran ini, ia memerintah Rasulullah s.a.w.:

"Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu."(54)

Yakni biarkanlah mereka hidup dalam kesesatan ini dengan keadaan yang lalai dan terkongkong sehingga mereka dikejutkan oleh kesudahan hidup mereka yang malang apabila tiba waktunya yang telah ditetapkan Allah:

Al-Qur'an mengecam dan mengejek sikap mereka yang lalai, kerana mereka menyangka bahawa tempoh hidup sebentar yang diberikan kepada mereka dan pengurniaan ni'mat harta benda dan anak pinak yang dianugerahkan kepada mereka adalah bertujuan untuk memberi kebajikan-kebajikan yang segera kepada mereka dan memberi keutamaan kepada mereka dalam pengagihan ni'mat dan limpah kurnia Allah.

"Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa......? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka?"(56)

Yang sebenarnya tidak begitu, malah itulah ujian dan dugaan Allah:

بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Tetapi mereka tidak sedar."(56)

Mereka tidak sedar bahawa di sebalik pengurniaan ni'mat-ni'mat harta benda dan anak pinak terdapat kesudahan hidup yang hitam pekat dan malapetaka yang meliputi.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 61)

Di samping gambaran kelalaian dan kesesatan pada hati orang-orang yang sesat itu, Al-Qur'an menunjukkan pula gambaran kesedaran dan sikap yang berwaspada pada hati orang-orang yang beriman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ هُم مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾
وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾
وَٱلَّذِينَ هُم بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾
وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾
أُوْلَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِي ٱلْخَيْرَٰتِ وَهُمْ لَهَا سَٰبِقُونَ ﴿٦١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berwaspada kerana takut kepada Tuhan mereka (57). Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka (58). Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka (59). Dan mereka yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka (60). Merekalah orang-orang yang pantas melakukan kebaikan-kebaikan dan selain itu merekalah orang-orang yang mendahuluinya."(61)

Kesedaran, Kepekaan Dan Kewaspadaan Orang-orang Yang Beriman

Dari sinilah timbulnya kesan keimanan di dalam hati iaitu timbulnya perasaan yang peka, perasaan yang selalu bimbang dan cemas, perasaan yang selalu malu dan segan, perasaan berharap dan bercita-cita mendapat kesempurnaan dan perasaan yang sentiasa memperhitungkan akibat-akibat biarpun bagaimana mereka bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka.

Orang-orang yang beriman itu sentiasa menaruh kebimbangan, ketakutan dan ketaqwaan kepada Allah. Mereka beriman kepada ayat-ayat-Nya dan tidak mempersekutukan-Nya. Mereka menyempurnakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan mereka. Mereka mengerjakan keta'atan-keta'atan sedaya upaya mereka dan selepas itu mereka:

يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

"Mereka melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka"(60)

kerana mereka masih merasa taksir terhadap Allah setelah mereka mengorbankan segala usaha dan daya upaya mereka, namun pada pandangan mereka usaha-usaha itu masih sangat sedikit.

Daripada Aisyah r.a., dia bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah (maksud ayat-ayat) 'Orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati merasa takut (kepada-Nya) itu' ialah orang yang mencuri, berzina dan minum arak dan kerana itu ia merasa takut kepada Allah 'Azzawajalla? Jawab beliau: "Tidak begitu! Wahai puteri Abu Bakr as-Siddiq! Tetapi itulah orang yang sembahyang, berpuasa dan bersedekah tetapi ia masih merasa takut kepada Allah 'Azzawajalla" (Hadith ini dikeluarkan oleh at-Tarmizi).

Hati seorang yang beriman itu sentiasa merasa terhutang-budi kepada Allah, kerana ia dapat merasakan ni'mat-ni'mat-Nya pada setiap sedutan nafas dan pada setiap denyutan nadi. Justeru itu ia merasa segala amal ibadatnya sangat kecil dan segala keta'atannya sangat sedikit dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah kepadanya. Begitu juga dia merasa dengan setiap zarah dalam jasadnya kebesaran dan keagungan Allah, dan dia melihat dengan segala perasaannya kewujudan tangan qudrat Ilahi pada segala sesuatu yang ada di sekelilingnya. Oleh kerana itu dia merasa gentar dan takut menemui Allah, mengenangkan dia masih taksir terhadap hak-hak Allah yang wajib di atasnya, dia merasa belum lagi menunaikan amal ibadat dan keta'atannya kepada Allah dengan sempurna dan belum lagi membalas ni'mat-ni'mat-Nya dengan mengenal Allah dan bersyukur kepada-Nya.

Merekalah orang-orang yang bergerak pantas mengerjakan amalan-amalan kebajikan, dan selain itu merekalah golongan perintis yang mengerjakan amalan-amalan kebajikan dan mencapai pahalanya dengan kesedaran, harapan, amalan dan keta'atan itu, bukannya seperti orang-orang yang hidup lalai dalam kesesatan sedangkan mereka menyangka bahawa merekalah golongan orang-orang yang dikehendaki Allah untuk dikurniakan ni'mat dan kebajikan. Mereka tak ubah seperti binatang buruan yang ditarik perlahan-lahan kepada perangkap kebinasaannya dengan umpan-umpan yang menggiurkan. Burung-burung buruan seperti ini amat banyak terdapat dalam kalangan manusia; mereka hidup dalam kemewahan, mereka leka di dalam keni'matan dan kesenangan, mereka ditenggelamkan harta kekayaan dan dilalaikan perasaan takbur dan

sombong sehingga mereka menemui kesudahan hidup yang malang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 67)

Kesedaran yang seperti itu, yang diterapkan Islam di dalam hati seseorang Muslim dan yang dirangsangkan keimanan sebaik sahaja ia terpacak di dalam hatinya itu bukanlah suatu perkara yang di luar kemampuan manusia atau suatu taklif yang di luar daya kuasa mereka, malah kesedaran itu merupakan suatu kepekaan yang terbit dari keinsafan mengakui kewujudan Allah dan berhubung rapat dengan-Nya serta bermuraqabah dengan-Nya dalam keadaan sulit atau nyata. Kesedaran ini berada di dalam batas-batas daya kuasa manusia apabila cahaya iman yang gemilang itu memancar di dalam hati mereka:

وَلَا نُكَلِّفُ نَفۡسًا إِلَّا وُسۡعَهَاۖ وَلَدَيۡنَا كِتَٰبٞ يَنطِقُ بِٱلۡحَقِّ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ٦٢

"Dan Kami tidak mentaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya dan pada Kami terdapat sebuah buku rekod amalan yang menjelaskan segala-galanya dengan benar dan selain itu mereka tidak akan dianiayai."(62)

Segala Kewajipan Ditetapan Allah Mengikut Batas Keupayaan Manusia

Allah telah menetapkan taklif-taklif itu sesuai dengan apa yang diketahui-Nya tentang diri manusia dan dia juga menentapkan balasan-balasan mengikut amalan-amalan yang dikerjakan mereka dalam lingkungan daya kuasa mereka. Allah tidak menzalimi mereka dengan mengenakan taklif-taklif yang tidak kuasa dikerjakan mereka dan dia juga tidak mengurangkan sedikit pun ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka. Dan segala amalan mereka adalah dicatatkan di dalam sebuah buku rekod amalan:

"Yang menjelaskan segala-galanya dengan benar"(62)

dan menyatakannya dengan jelas tanpa kurang sedikit pun. Dan Allah itulah sebaik-baik jurukira.

Punca manusia menjadi lalai ialah kerana hati mereka sesat dari ajaran yang benar. Hati mereka tidak pernah disentuh nur kebenaran yang menyegarkan kerana mereka tidak menghiraukannya dan kerana mereka menempuh jalan yang sesat dengan terburu-buru sehingga mereka sedar setelah berlakunya malapetaka 'azab, di mana mereka menerima keseksaan yang amat pedih di samping celaan dan penghinaan:

بَلۡ قُلُوبُهُمۡ فِي غَمۡرَةٖ مِّنۡ هَٰذَا وَلَهُمۡ أَعۡمَٰلٞ مِّن دُونِ ذَٰلِكَ هُمۡ لَهَا عَٰمِلُونَ ٦٣

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذۡنَا مُتۡرَفِيهِم بِٱلۡعَذَابِ إِذَا هُمۡ يَجۡـَٔرُونَ ٦٤

لَا تَجۡـَٔرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ٦٥

قَدۡ كَانَتۡ ءَايَٰتِي تُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَكُنتُمۡ عَلَىٰٓ أَعۡقَٰبِكُمۡ تَنكِصُونَ ٦٦

مُسۡتَكۡبِرِينَ بِهِۦ سَٰمِرٗا تَهۡجُرُونَ ٦٧

"Tetapi hati mereka berada di dalam kesesatan terhadap (kebenaran Al-Qur'an) ini dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk), yang sentiasa dilakukan mereka (63). Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan (64). Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami (65). Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Kamu menunjukkan sikap yang Angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang memburuk-burukkannya ketika berbual-bual di waktu malam."(67)

Sebab mereka terburu-buru mengikut jalan yang sesat bukanlah kerana mereka telah dibebankan dengan taklif-taklif yang di luar keupayaan mereka, malah kerana hati mereka berada di dalam kesesatan yang tidak membolehkan mereka melihat kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an, dan selain itu mereka terburu-buru mengikut sistem hidup yang lain dari sistem hidup yang dibawa oleh Al-Qur'an:

وَلَهُمۡ أَعۡمَٰلٞ مِّن دُونِ ذَٰلِكَ هُمۡ لَهَا عَٰمِلُونَ ٦٣

"Dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk) yang sentiasa dilakukan mereka."(63)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan gambaran kesedaran mereka apabila ditimpa malapetaka 'azab yang berlaku secara mendadak:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذۡنَا مُتۡرَفِيهِم بِٱلۡعَذَابِ إِذَا هُمۡ يَجۡـَٔرُونَ ٦٤

"Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan."(64)

Golongan orang-orang yang hidup mewah itu merupakan golongan manusia yang paling asyik di dalam kesenangan dan keni'matan hidup, leka di dalam kesesatan dan penyelewengan dan lalai dari memikirkan kesudahan hidup mereka. Kini mereka sedang ditimpa malapetaka 'azab yang dahsyat, yang tiba-tiba menyeksa mereka dengan begitu teruk hingga menyebabkan mereka melolong-lolong dan menjerit-jerit meminta pertolongan dan kasihan belas. Itulah balasan kemewahan, kelalaian, kesombongan dan keangkuhan. Kemudian kini mereka menerima tempelakan dan kecaman:

لَا تَجۡـَٔرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ٦٥

"Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini, kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami."(65)

Kini satu pemandangan ditayangkan, di mana mereka menerima tempelakan, kecaman dan pernyataan yang menghancurkan segala harapan untuk mendapat pertolongan, juga menerima peringatan yang mengingatkan keadaan mereka sewaktu mereka leka di dalam kesesatan dan kelalaian:

قَدْ كَانَتْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang."(66)

Iaitu kamu berpaling mengundurkan diri seolah-olah ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan kepada kamu itu merupakan suatu bahaya yang sama dengan bahaya yang ditakuti kamu atau merupakan sesuatu yang tidak digemari dan mahu dijauhi kamu dan kamu menunjukkan sikap yang angkuh dan enggan mengakui kebenaran Al-Qur'an, kemudian kamu tambahkan lagi dengan mengeluarkan kata-kata yang keji dan hina di dalam perbualan-perbualan kamu di waktu malam, di mana kamu mengeji Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an yang dibawa olehnya dengan kata-kata yang buruk.

Sudah menjadi kebiasaan mereka melepaskan lidah mereka yang lancang melemparkan kata-kata yang keji di dalam majlis-majlis perhimpunan mereka ketika duduk di sekeliling berhala-berhala di Ka'bah kerana berbual-bual di waktu malam. Di sini Al-Qur'an menggambarkan pemandangan mereka sedang ditimpa 'azab pada hari Qiamat kerana kesesatan mereka dan mereka berpekik-pekik meminta pertolongan. Ia menyebut kata-kata mereka yang keji yang dihamburkan mereka di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam seolah-olah peristiwa itu sedang berlaku di sa'at ini yang dapat disaksi dan dihayati mereka. Itulah cara gaya Al-Qur'an dalam melukiskan pemandangan-pemandangan Qiamat seolah benar-benar berlaku di hadapan mereka.[7]

Kaum Musyrikin yang menyerang Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an di tempat-tempat perhimpunan mereka dan di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam telah memperlihatkan sifat keangkuhan yang jahil, yang tidak memahami nilai kebenaran kerana mata hati mereka buta dan padam cahayanya. Oleh kerana itulah mereka jadikan kebenaran itu sebagai bahan sindiran, ejekan dan tuduhan mereka. Orang-orang yang seperti mereka memang wujud di setiap zaman, kerana jahiliyah Arab itu tidak lain melainkan hanya suatu contoh sahaja dari berbagai-bagai bentuk jahiliyah yang telah berlalu di dalam zaman yang silam dan masih wujud di zaman sekarang dan akan terus wujud di masa-masa mendatang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 74)

Kemudian Al-Qur'an memindahkan mereka dari pemandangan di Akhirat - di mana mereka dikecam dan dicela - pulang semula ke alam dunia untuk disoal dan dinyatakan kepada mereka betapa pelik dan anehnya sikap yang telah diambil mereka... Apakah sebab yang menghalangkan mereka dari beriman kepada Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasul mereka yang jujur itu? Apakah kekeliruan-kekeliruan yang masih berkecamuk di dalam dada mereka sehingga menghalang mereka dari menerima hidayat? Apakah alasan mereka menolak Al-Qur'an dan melemparkan kata-kata yang keji terhadapnya di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam, sedangkan Al-Qur'an merupakan kebenaran yang tulen dan jalan yang lurus?

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا۟ ٱلْقَوْلَ أَمْ جَآءَهُم مَّا لَمْ يَأْتِ ءَابَآءَهُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

أَمْ لَمْ يَعْرِفُوا۟ رَسُولَهُمْ فَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٦٩﴾

أَمْ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۚ بَلْ جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ وَأَكْثَرُهُمْ لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ بَلْ أَتَيْنَٰهُم بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَن ذِكْرِهِم مُّعْرِضُونَ ﴿٧١﴾

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ خَرْجًا فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيْرٌ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٧٢﴾

وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ لَنَٰكِبُونَ ﴿٧٤﴾

"Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu? (68) Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka,

[7] *Lihat bab* "التصوير الفني" *di dalam* " التصوير الفني في القرآن "

maka kerana itu mereka mengingkarkannya? (69) Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila? (Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar (70). Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya, bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka (71). Atau apakah engkau meminta upah dari mereka? Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik lagi dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki (72). Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus (73). Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus."(74)

Penentang-penentang Islam Diseru Mengkaji Isi Kandungan Al-Qur'an

Sesiapa sahaja yang memikirkan isi kandungan Al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu dengan teliti tidak mungkin berpaling darinya, kerana susunan dan gubahannya begitu indah, begitu sempurna dan lengkap, begitu serasi dan menarik dan begitu sesuai dengan fitrah manusia. Ia mengandungi saranan-saranan yang merangsangkan kesedaran manusia dan mengandungi makanan-makanan kepada hati, bekalan-bekalan untuk fikiran, arah-arah tujuan yang agung, peraturan-peraturan yang lurus dan perundangan-perundangan yang kukuh. Ia mengandungi segala sesuatu yang dapat menggerakkan unsur-unsur fitrah serta memberi makanan dan memenuhi kehendak-kehendaknya. Mengapakah mereka tidak memikirkan isi kandungan Al-Qur'an dengan teliti? Inikah rahsianya mengapa mereka menolak Al-Qur'an? Iaitu mereka menolak Al-Qur'an kerana mereka tidak pernah memikirkan isi kandungannya dengan teliti.

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا۟ ٱلْقَوْلَ أَمْ جَآءَهُم مَّا لَمْ يَأْتِ ءَابَآءَهُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

"Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu?"(68)

Kebangkitan Rasul Bukan Perkara Baru Dalam Sejarah

sehingga kedatangan Rasul dan kalimat tauhid menjadi perkara baru yang belum pernah diketahui mereka dan datuk nenek mereka, sedangkan seluruh sejarah kerasulan menjelaskan bahawa para rasul itu dibangkitkan berturut-turut kepada kaum mereka dan seluruh mereka membawa da'wah yang sama seperti yang dibawa Rasul mereka (Muhammad s.a.w.) ini:

أَمْ لَمْ يَعْرِفُوا۟ رَسُولَهُمْ فَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٦٩﴾

"Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka, maka kerana itu mereka mengingkarkannya?"(68)

Dan inilah rahsia mereka menolak dan mendustakan Rasul itu, tetapi mereka sebenarnya telah mengenali Rasul mereka dengan sepenuh pengenalan. Mereka tahu peribadinya dan tahu salsilah keturunannya. Mereka tahu sifat-sifatnya lebih banyak dari mana-mana sifat seorang yang lain. Mereka tahu beliau bercakap benar dan selain itu mereka tahu sifatnya yang jujur dan amanah sehingga mereka pernah menggelarkannya dengan gelaran "al-Amin" sebelum beliau dibangkit menjadi Rasul.

أَمْ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةٌۢ

"Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila?"(70)

sebagaimana dikatakan oleh setengah-setengah orang dari samseng-samseng mereka yang bodoh, sedangkan pada hakikatnya mereka yakin bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai akal yang amat sempurna, yang tidak pernah diketahui melakukan sesuatu penyelewengan di sepanjang sejarah hidupnya.

Sebab Sebenar Mereka Bencikan Islam

Tiada satu pun dari keraguan-keraguan itu mempunyai asasnya, malah sebab yang sebenar ialah kebanyakan mereka bencikan ajaran Islam yang benar kerana ajarannya menghapuskan nilai-nilai yang karut yang menjadi asas kehidupan mereka dan menentang kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang bertunjang dalam jiwa mereka dan menjadi kebanggaan hidup mereka:

بَلْ جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ وَأَكْثَرُهُمْ لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾

"(Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar."(70)

Kebenaran itu tidak mungkin berjalan seiringan dengan hawa nafsu manusia. Kebenaran itulah yang menjadi tapak asas ditegakkan langit dan bumi dan dengan kebenaran juga tegaknya undang-undang alam buana dan berjalannya seluruh peraturan di alam ini termasuk peraturan segala isi alam dan penghuninya:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ

"Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya."(71)

Alam Buana Dicipta Dan Ditadbirkan Dengan Lunas Kebenaran

Kebenaran itu hanya satu dan tetap teguh, sedangkan hawa nafsu itu banyak ragamnya dan berubah-ubah. Dengan lunas kebenaran yang satu inilah Allah mentadbirkan seluruh alam buana, di mana undang-undang alam tidak pernah menyeleweng kerana menurut suatu keinginan nafsu

yang mendadak dan tidak pernah mungkir kerana menurut suatu kegemaran yang tiba-tiba. Andainya alam buana tunduk kepada keinginan-keinginan hawa nafsu dan kegemaran-kegemaran yang mendadak nescaya seluruh alam buana ini musnah, seluruh manusia juga musnah, seluruh nilai-nilai dan peraturan-peraturan menjadi rosak dan seluruh neraca dan piawaian menjadi kacau-bilau. Seluruhnya akan terumbang-ambing di antara perasaan-perasaan marah dan suka, kasih dan benci, gemar dan takut, cergas dan malas dan sebagainya dari berbagai-bagai keinginan hawa nafsu, perasaan-perasaan, dan emosi-emosi yang berubah-ubah, sedangkan pembangunan alam fizikal dan matlamat tujuannya adalah memerlukan kepada kemantapan, keteguhan, kestabilan dan berjalan terus di atas satu tapak asas yang kukuh dan satu peraturan tetap yang tidak mungkir, tidak terumbang-ambing dan tidak menyeleweng.

Tuhan Yang Mengatur Undang-undang Kehidupan Manusia Ialah Tuhan Yang Mengatur Undang-undang Alam

Berdasarkan tapak asas yang agung dalam pembinaan dan pentadbiran alam buana inilah Islam menjadikan undang-undang hidup manusia sebagai sebahagian dari undang-undang alam buana yang dikendalikan Allah yang mentadbir dan menyelaraskan segala bahagiannya, di mana makhluk manusia merupakan sebahagian dari alam buana dan tunduk kepada undang-undangnya yang am. Oleh sebab itu amatlah wajar undang-undang hidup manusia ini diaturkan Allah yang mengaturkan undang-undang alam buana ini dan mentadbirkannya dengan keselarasan yang mengkagumkan. Dengan cara ini peraturan hidup manusia tidak tunduk kepada kehendak-kehendak keinginan nafsu mereka yang akan menimbulkan kerosakan dan kekacauan:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلۡحَقُّ أَهۡوَآءَهُمۡ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهِنَّۚ

"Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya."(71)

Malah kebenaran itu hanya mengikut kebenaran yang kulli dan mengikut tadbir Allah Yang Maha Pentadbir.

Umat yang menerima agama Islam inilah merupakan umat yang paling wajar mengikut kebenaran yang diperjuangkan Islam. Di samping agama Islam merupakan agama yang benar, ia juga merupakan kemuliaan dan nama baik mereka, kerana tanpa agama Islam mereka tidak akan mempunyai nama yang harum di seluruh alam:

Al-Qur'an Telah Mengangkat Nama Umat Arab

"Bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka."(71)

Umat Arab tidak pernah menempa nama yang harum di dalam sejarah dunia sehingga mereka menerima agama Islam, kemudian nama mereka bergema, di telinga generasi-generasi umat manusia selama mereka berpegang kukuh dengan agama itu, kemudian gema nama mereka semakin merendah apabila mereka mula membelakangkan Islam. Kini mereka tidak lagi dikira dalam barisan negara-negara yang disegani di dunia dan selain itu mereka tidak akan mempunyai nama yang harum lagi melainkan pada hari mereka pulang kembali kepada namanya yang agung (Islam).

Selepas selingan ini, yang dikemukakan untuk menentang dakwaan mereka yang bukan-bukan terhadap kebenaran yang datang kepada mereka dan untuk menentang tindakan mereka yang menolak dan menuduh kebenaran itu, maka Al-Qur'an kembali mengecam sikap mereka dan memperdebatkan kekeliruan-kekeliruan yang mungkin menghalangkan mereka dari menerima ajaran yang benar yang dibawa oleh rasul mereka yang jujur dan amanah itu:

"Atau apakah engkau meminta upah dari mereka?"(72)

Rasul Tidak Mengharapkan Upah Dari Manusia

Yakni apakah mereka lari dari tuntutan engkau yang meminta upah kerana mengajar dan memberi hidayat kepada mereka? Sedangkan engkau tidak pernah meminta sebarang bayaran dari mereka, kerana ganjaran yang tersimpan di sisi Allah itu lebih baik dari ganjaran-ganjaran yang ada pada mereka:

فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيۡرٞۖ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ٧٢

"Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik lagi dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki."(72)

Apakah yang diharap-harapkan seorang nabi dari manusia yang lemah, miskin dan sentiasa tidak berkecukupan itu, sedangkan dia sendiri berhubung secara langsung dengan sumber limpah kurnia Ilahi yang tidak pernah kurang dan kering, malah apakah yang diangan-angankan para pengikut nabi untuk mendapat harta kekayaan dunia ini, sedangkan mereka meletakkan seluruh mata dan hati mereka pada ganjaran-ganjaran yang tersimpan di sisi Allah yang mengurniakan segala rezeki sama ada banyak atau sedikit? Sebenarnya pada hari hati seorang itu dapat berhubung dengan Allah, maka seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya akan kelihatan begitu kecil pada pandangannya.

Sebenarnya apa yang dicarikan engkau ialah usaha untuk menunjuk mereka ke jalan yang lurus:

وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾

"Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus."(73)

Iaitu jalan lurus yang dapat menghubungkan mereka dengan undang-undang alam yang memerintah fitrah mereka dan menghubungkan mereka dengan seluruh alam al-wujud dan memimpin mereka ke dalam angkatan kafilah alam al-wujud menuju kepada Allah dengan jujur dan tanpa menyeleweng.

Sebenarnya mereka - sama dengan orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat - adalah manusia-manusia yang menyimpang dan sesat dari jalan yang betul:

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْـَٔاخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ لَنَٰكِبُونَ ﴿٧٤﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus."(74)

Andainya mereka mendapat hidayat tentulah mereka dapat memikirkan dengan hati dan akal mereka peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang akan membawa mereka kepada keimanan kepada hari Akhirat, iaitu sebuah alam yang membolehkan manusia mencapai darjat kesempurnaan dan sebuah alam yang dapat mewujudkan keadilan yang ditetapkan Allah, kerana alam Akhirat itu merupakan satu babak dari babak-babak undang-undang yang sempurna yang dikehendaki Allah dalam mentadbirkan alam al-wujud ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 77)

Kedegilan Orang Yang Tidak Beriman Pada Hari Qiamat

Orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan menyeleweng dari jalan yang betul itu tidak lagi berguna diuji dengan ni'mat atau diuji dengan malapetaka, kerana andainya mereka dikurniakan ni'mat nescaya mereka akan berfikir:

أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka?"(55-56)

Dan andainya mereka ditimpa malapetaka, maka hati mereka tidak juga lembut dan dhamir mereka tidak juga insaf dan sedar, dan seterusnya mereka tidak akan kembali kepada Allah untuk memohon agar diangkatkan malapetaka itu dari mereka. Mereka akan tetap dalam keadaan itu sehingga mereka dilanda 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat, di mana mereka menjadi bingung dan putus asa.

وَلَوْ رَحِمْنَٰهُمْ وَكَشَفْنَا مَا بِهِم مِّن ضُرٍّ لَّلَجُّوا۟ فِى طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٥﴾

وَلَقَدْ أَخَذْنَٰهُم بِٱلْعَذَابِ فَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ لِرَبِّهِمْ وَمَا يَتَضَرَّعُونَ ﴿٧٦﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا ذَا عَذَابٍ شَدِيدٍ إِذَا هُمْ فِيهِ مُبْلِسُونَ ﴿٧٧﴾

"Dan jika Kami memberi rahmat kepada mereka dan menghapuskan bala bencana yang dideritai mereka nescaya mereka akan terus juga terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka (75). Dan sesungguhnya Kami pernah menimpakah 'azab ke atas mereka, tetapi mereka tidak juga tunduk kepada Tuhan mereka dan tidak pula berdo'a (kepada-Nya) dengan merendahkan diri (76). Sehingga apabila Kami bukakan ke atas mereka sebuah pintu 'azab yang amat dahsyat, tiba-tiba mereka terus menjadi bingung dan putus asa."(77)

Inilah sifat umum golongan manusia yang berhati keras, lalai dari Allah dan mendustakan hari Akhirat. Dan di antara mereka ialah kaum Musyrikin yang menentangkan Rasulullah s.a.w.

Perasaan rendah diri dan hati ketika digugatkan malapetaka kesusahan merupakan bukti keinginan untuk kembali kepada Allah dan menyedari bahawa hanya Allah sahaja satu-satunya tempat perlindungan mereka. Apabila hati berhubung dengan Allah sedemikian rupa ia akan menjadi lembut, sedar dan insaf. Perasaan yang hassas (الحساسية) inilah yang dapat menjadi pengawal yang menjaga seorang dari kelalaian dan dari terjerumus ke dalam dosa-dosa, ia dapat mengambil manfa'at dari peristiwa-peristiwa malapetaka dan bala. Tetapi apabila hati itu tenggelam dalam kelalaian dan meraba-raba dalam kesesatan, maka ia tidak dapat diharapkan menjadi baik. Ia wajar ditinggalkan begitu sehingga ia tiba-tiba dilanda 'azab Qiamat, dan ketika itulah ia akan menyesal, hilang harapan, terpinga-pinga, bingung dan putus asa untuk menyelamatkan dirinya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 80)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu pengembaraan yang lain yang merangsangkan kesedaran mereka terhadap bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri mereka dan pada makhluk-makhluk yang ada di sekeliling mereka:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى ذَرَأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٧٩﴾

وَهُوَ ٱلَّذِى يُحْىِۦ وَيُمِيتُ وَلَهُ ٱخْتِلَٰفُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur (78). Dan Dialah Yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan (79). Dan Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang, mengapakah mereka tidak berfikir?"(80)

Manusia Diseru Memikirkan Kejadian Diri Sendiri

Seandainya manusia memikir kejadian dan rupa parasnya dengan teliti, juga memikirkan anggota-anggota pancaindera dan anggota-anggota yang lain yang dilengkapkan kepadanya, serta memikirkan tenaga-tenaga dan daya-daya pemikiran yang dikurniakan kepadanya nescaya dia akan menemui dan mengenal Allah dengan perantaraan penciptaan-penciptaan mu'jizat-mu'jizat itu yang membuktikan bahawa Allah adalah Pencipta yang tunggal, tiada siapa pun selain dari Allah yang berkuasa menciptakan kejadian-kejadian yang penuh mu'jizat ini sama ada kecil atau besar.

Lihatlah indera pendengaran dan bagaimana ia bekerja? Bagaimana ia memungut bunyi-bunyi dan menyelaraskannya? Dan lihat pula indera penglihatan dan bagaimana ia bekerja? Bagaimana ia memungut cahaya-cahaya dan rupa bentuk? Dan fikirkan pula tentang hati nurani, apakah hakikatnya? Bagaimana ia menanggap dan memahami? Bagaimana ia menilai segala sesuatu, segala bentuk rupa, segala konsep, segala nilai-nilai, segala perasaan dan persepsi-persepsi?

Semata-mata mengetahui tabi'at pancaindera dan daya tenaga-tenaga serta cara ia bekerja sahaja dapat dianggapkan sebagai satu penemuan mu'jizat di alam manusia, apatah lagi jika seorang itu mengetahui rahsia penciptaan dan strukturnya yang diatur sebegitu rupa yang selaras dengan tabi'at alam buana yang menjadi tempat hidupnya manusia, dan keselarasan itu dapat diperhatikan dengan begitu ketara, di mana jika salah satu dari nisbah-nisbahnya sama ada pada tabi'at alam buana atau pada tabi'at manusia itu kacau atau mungkir nescaya hilanglah perhubungan yang mengakibatkan telinga tidak dapat lagi memungut bunyi dan mata tidak dapat memungut cahaya. Qudrat Ilahi yang mengaturkan alam ini telah menyelaraskan di antara tabi'at manusia dengan tabi'at alam buana yang menjadi tempat hidup manusia agar perhubungan itu dapat dilaksanakan, tetapi malangnya manusia tidak bersyukur:

"Tetapi sedikit sekali kamu bersyukur."(78)

Di Manakah Bermulanya Kesedaran Bersyukur?

Kesyukuran itu bermula dengan Ma'rifatullah yang mengurniakan ni'mat itu dan diiringi dengan pengucapan memuji-Nya dengan sifat-sifat-Nya yang agung kemudian beribadat kepada-Nya sahaja kerana Dialah Tuhan Yang Maha Esa yang dibuktikan oleh kesan-kesan di dalam segala penciptaan-Nya. Kemudian diikuti pula dengan menggunakan pancaindera-pancaindera dan tenaga-tenaga itu untuk meni'mati hidup dengan perasaan seorang 'abid yang menyembah Allah dalam segala kegiatan dan keni'matan.

وَهُوَ ٱلَّذِى ذَرَأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ

"Dan Dialah yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi"(79)

dan melantikkan kamu menjadi khalifah di bumi setelah melengkapkan kamu dengan anggota-anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani, di samping bakat-bakat kebolehan dan tenaga-tenaga yang perlu untuk menjalankan urusan khalifah.

"Dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan"(79)

dan di sana kamu akan dihisabkan Allah terhadap segala kebajikan, kejahatan, kebaikan, kerosakan, hidayat dan kesesatan yang diadakan kamu di dalam urusan pentadbiran khilafah itu, kerana kamu bukanlah diciptakan sia-sia dan tidak pula dibiarkan hidup cuma-cuma sahaja, malah kamu diwujudkan Allah dengan hikmat, tadbir dan taqdir-Nya yang rapi.

Tiada Makhluk Yang Menguasai Hidup Dan Mati

"Dan Dialah yang menghidup dan mematikan."(80)

Hidup dan mati merupakan dua peristiwa yang berlaku pada setiap sa'at dan tiada siapa pun yang menguasai hidup dan mati itu melainkan Allah. Manusia selaku makhluk tertinggi tidak berkuasa mencetuskan hayat walaupun di dalam satu sel dan tidak berkuasa mencabut hayat dengan cabutan yang haqiqi dari mana-mana makhluk yang hidup, kerana hanya yang berkuasa mengurniakan hayat sahaja yang mengetahui rahsianya. Dialah yang berkuasa memberi hayat dan mencabutnya kembali. Manusia kadang-kadang menjadi sebab dan alat untuk

mencabut hayat, tetapi pada hakikatnya mereka bukanlah pencabut hayat yang sebenar, malah hanya Allah yang menghidup dan mematikan dan tiada sesiapa pun selain Dia.

وَلَهُ ٱخْتِلَٰفُ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ

"Dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang."(80)

Undang-undang Pertukaran Siang Dan Malam

Dialah yang menguasai pertukaran itu dan mengendalikannya sebagaimana Dia menguasai dan mengendalikan pertukaran mati dan hidup. Pertukaran malam dan siang merupakan satu undang-undang alam sama seperti undang-undang mati dan hidup yang berlaku pada jiwa dan tubuh, sedangkan pertukaran malam dan siang berlaku pada alam dan bintang-bintang. Andainya hayat dicabut dari yang hidup, maka perjalanan jasadnya akan terhenti dan mati, begitu juga andainya cahaya siang dicabut dari bumi, maka bumi akan menjadi gelap dan tenang, kemudian hidup dan terang kembali bersilih ganti, tidak pernah berlengah-lengah dan putus kecuali dikehendaki Allah:

أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٨٠﴾

"Mengapakah mereka tidak berfikir?"(80)

dan memahami kejadian-kejadian itu sebagai bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Allahlah sahaja yang mencipta, mentadbir dan menguasai perjalanan alam buana dan urusan hayat?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 83)

Di sini Al-Qur'an beralih pula dari berbicara dan berdebat dengan mereka kepada menceritakan pendapat-pendapat mereka mengenai kebangkitan selepas mati dan hisab setelah selesai menerangkan segala bukti dan dalil tersebut:

بَلْ قَالُوا۟ مِثْلَ مَا قَالَ ٱلْأَوَّلُونَ ﴿٨١﴾ قَالُوٓا۟ أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿٨٢﴾ لَقَدْ وُعِدْنَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٨٣﴾

"Malah mereka berkata sama seperti apa yang telah dikatakan oleh orang-orang yang dahulu (81). Mereka berkata: Jika kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput apakah kita akan dibangkitkan kembali? (82) Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulu kala sahaja."(83)

Hikmat Hisab Dan Balasan Di Akhirat

Kata-kata dan pendapat yang seperti ini kelihatan begitu pelik dan ganjil setelah dikemukakan bukti-bukti dan dalil-dalil yang menunjukkan kehalusan tadbir Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya yang amat tinggi dalam segala penciptaan-Nya. Allah 'Azzawajjala telah mengurniakan anggota pendengaran dan penglihatan kepada manusia supaya dia bertanggungjawab terhadap segala kegiatan dan amalannya dan supaya dia menerima balasan terhadap segala kebaikan dan kerosakan yang telah dilakukannya, tetapi hisab dan balasan yang sebenar adalah terlaksana di Akhirat. Apa yang dilihat di dunia ini ialah balasan itu kadang-kadang tidak berlaku kerana ia ditangguhkan kepada masanya yang telah ditetapkan Allah pada hari Akhirat kelak.

Oleh sebab Allah yang menghidup dan mematikan, maka urusan kebangkitan selepas mati itu tidak sedikit pun menjadi perkara yang sukar kepada Allah. Hayat berdenyut pada setiap sa'at dan muncul dari alam yang tidak diketahui siapa pun melainkan hanya Allah.

Mereka tidak cukup dengan mengabaikan daya pemikiran mereka dari memahami hikmat kebijaksanaan Allah dan memikirkan kekuasaan-Nya untuk mengadakan kebangkitan semula selepas mati itu, malah mereka mengejek dan mempersenda-sendakan janji-janji kebangkitan semula dan balasan itu dengan alasan bahawa janji-janji itu pernah dijanjikan kepada mereka dan kepada datuk nenek mereka sebelum ini, tetapi sehingga kini janji-janji itu belum lagi berlaku:

لَقَدْ وُعِدْنَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٨٣﴾

"Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulukala sahaja."(83)

Kebangkitan semula selepas mati itu adalah ditangguhkan kepada masanya yang telah ditentukan Allah mengikut tadbir dan kehendak hikmat kebijaksanaan-Nya. Dan masa itu tidak akan dipercepat dan tidak akan diperlambatkan dengan tujuan untuk memenuhi permintaan mana-mana generasi manusia atau untuk menjawab cabaran sendaan dan ejekan sekumpulan manusia yang lalai dan terhijab hati nurani mereka.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 89)

Kegoyahan Kepercayaan Kaum Musyrikin

Kaum Musyrikin Arab mempunyai pegangan 'aqidah yang goyah dan karut. Mereka tidak mengingkari Allah dan tidak pula menafikan bahawa Allah itulah yang memiliki, mentadbir dan menguasai langit dan bumi, namun demikian mereka

mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain yang disembahkan mereka. Mereka mendakwa bahawa tujuan mereka menyembah tuhan-tuhan itu ialah supaya tuhan-tuhan itu dapat mendekatkan mereka kepada Allah dan selain itu mereka mengatakan bahawa Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dikatakan mereka.

Di sinilah Allah menundukkan mereka dengan menggunakan kepercayaan-kepercayaan yang telah diakui mereka untuk membetulkan 'aqidah mereka yang goyah dan karut itu dan untuk mengembalikan mereka kepada 'aqidah tauhid yang tulen, yang dibuktikan oleh kepercayaan-kepercayaan yang telah diakui mereka andainya mereka mengikut fitrah mereka dengan jujur dan tidak menyeleweng:

قُل لِّمَنِ ٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٤﴾

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبۡعِ وَرَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ﴿٨٦﴾

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾

قُلۡ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا

يُجَارُ عَلَيۡهِ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٨﴾

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ فَأَنَّىٰ تُسۡحَرُونَ ﴿٨٩﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui? (84) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'Arasy yang agung? (86) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki oleh Allah. Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui (88). Mereka akan menjawab: Ia dimiliki oleh Allah. Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)?"(89)

Perdebatan ini mendedahkan sejauh mana kegoyahan dan kekarutan kepercayaan mereka yang tidak bersandarkan logik dan berlandaskan akal, juga mendedahkan sejauh mana kerosakan yang sampai kepada 'aqidah kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab semasa kelahiran Islam.

قُل لِّمَنِ ٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٤﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui?"(84)

Itulah pertanyaan mengenai hak milik alam buana dan sekalian penghuninya:

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ

"Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah"(85)

namun demikian mereka tidak ingatkan hakikat ini ketika mereka beribadat kepada yang lain dari Allah:

قُلۡ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾

قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبۡعِ وَرَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ﴿٨٦﴾

"Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'Arasy yang agung?"(86)

Itulah pernyataan tentang Rububiyah yang mentadbir dan mengendalikan tujuh petala langit dan 'Arasy yang agung. Yang dimaksudkan dengan tujuh petala langit itu mungkin tujuh orbit atau tujuh kumpulan bintang-bintang atau tujuh sadim (nebula) atau tujuh alam atau tujuh makhluk angkasa raya yang lain. 'Arasy yang agung merupakan lambang dari penguasaan terhadap alam al-wujud. Siapakah Tuhan tujuh petala langit dan 'Arasy yang agung itu?

سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ

"Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah"(87)

namun demikian mereka tidak takut kepada Allah yang memiliki 'Arasy, mereka tidak bertaqwa kepada Allah Tuhan tujuh petala langit. Mereka mempersekutukan-Nya dengan berhala-berhala yang hina yang dicampakkan ke bumi tanpa bergerak-gerak:

قُلۡ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾

قُلۡ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا

يُجَارُ عَلَيۡهِ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٨﴾

"Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui."(88)

Itulah pertanyaan tentang kuasa dan penguasaan, pertanyaan tentang siapakah yang memegang teraju pemilikan yang berkuasa penuh. Siapakah yang berkuasa memberi perlindungan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan kekuatan-Nya sehingga tiada siapa yang boleh memudharatkan-Nya dan tiada siapa yang berkuasa memberi perlindungan kepadanya dari 'azab Allah, dan tiada siapa yang berkuasa menyelamatkan mana-mana orang yang hendak dibinasakan Allah.... Siapakah yang memiliki kuasa itu?

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ

"Mereka akan menjawab, ia dimiliki Allah."(89)

Tetapi mengapakah mereka tidak menyembah Allah? Mengapa akal fikiran mereka menyeleweng dan sipang-siur seperti orang yang terkena sihir?

قُلْ فَأَنَّىٰ تُسْحَرُونَ ﴿٨٩﴾

"Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)?"(89)

Itulah kegoyahan dan simpang-siur akal fikiran yang dialami orang-orang yang terkena sihir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 90 - 92)

Tepat dengan sa'at yang sesuai ini untuk menjelaskan hakikat tauhid yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan untuk membatalkan dakwaan mereka yang mengatakan Allah mempunyai anak dan sekutu selepas dikemukakan perdebatan tadi, maka Al-Qur'an mengumumkan penjelasan berikut:

بَلْ أَتَيْنَاهُم بِالْحَقِّ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٩٠﴾ مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِن وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَٰهٍ ۚ إِذًا لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَا بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٩١﴾ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Bahkan Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta (90). Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya (dan jika ada) tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (91). Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka."(92)

Penjelasan ini dikemukakan dengan berbagai-bagai cara iaitu dengan memulaukan perdebatan dengan mereka dan menegaskan kebohongan mereka:

"Bahkan Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta."(90)

Kemudian Al-Qur'an menghuraikan pembohongan-pembohongan yang didakwakan mereka:

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِن وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَٰهٍ ۚ

"Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya"(91)

kemudian Al-Qur'an mengemukakan dalil yang membatalkan dakwaan mereka serta menggambarkan kekarutan dan kemustahilan 'aqidah syirik itu:

إِذًا لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهٍ بِمَا خَلَقَ

"(Jika ada) tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya"(91)

yakni masing-masing mahu bebas memerintah makhluk yang telah dijadikannya mengikut masing-masing peraturan yang tersendiri dan akibatnya setiap bahagian alam buana atau setiap kumpulan makhluk itu mempunyai peraturan yang tersendiri, yang tidak mempunyai titik pertemuan dengan undang-undang am yang mengendalikan seluruh alam buana ini.

وَلَعَلَا بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ

"Dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain"(91)

dengan kuatkuasa mereka untuk mengendalikan alam buana ini, sedangkan alam buana tidak mungkin kekal dan tidak mungkin berjalan dengan teratur melainkan dengan satu undang-undang dan satu pengendalian dan pentadbiran.

Semua gambaran ini tidak wujud di alam buana, kerana kesatuan dan persamaan susunan kejadian alam buana ini membuktikan keesaan Tuhan Penciptanya, begitu juga kesatuan dan persamaan undang-undang alam buana ini membuktikan keesaan Tuhan Pentadbirnya. Setiap bahagian dan segala sesuatu di alam ini kelihatan begitu selaras dengan bahagian-bahagian yang lain; di sana tidak terdapat sebarang percanggahan, perebutan dan kekacauan:

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٩١﴾

"Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka."(91)

عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

"Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata"(92)

Tiada siapa yang lain dari Allah yang mengendali dan mengetahui urusan alam ghaib dan alam syahadat itu.

فَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka"(92)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 98)

Sampai di sini Al-Qur'an beralih pula dari berbicara, berdebat dan mengisahkan keadaan mereka kepada berbicara dengan Rasulullah s.a.w. iaitu memerintah beliau supaya bertawajjuh kepada Allah memohon

perlindungan-Nya dari menjadikan beliau termasuk di dalam golongan kaum Musyrikin yang di'azabkan itu andainya beliau telah ditaqdirkan Allah sempat melihat pelaksanaan 'azab yang dijanjikan Allah kepada mereka dan supaya beliau memohon perlindungan dari para syaitan agar hatinya tidak meradang dan marah terhadap perkataan-perkataan mereka yang keji itu:

قُل رَّبِّ إِمَّا تُرِيَنِّي مَا يُوعَدُونَ ﴿٩٣﴾
رَبِّ فَلَا تَجْعَلْنِي فِي ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٩٤﴾
وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾
ٱدْفَعْ بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾
وَقُل رَّبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَٰتِ ٱلشَّيَٰطِينِ ﴿٩٧﴾
وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhanku! Jika Engkau hendak memperlihatkan kepadaku 'azab yang diancamkan kepada mereka.......(93). Maka wahai Tuhanku! Janganlah engkau jadikanku termasuk dalam golongan kaum yang zalim itu (94). Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka.......(95). Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu) (96). Dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Aku pohon perlindungan pada-Mu dari bisikan-bisikan para syaitan (97). Dan aku berlindung pada-Mu, wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Memohon Perlindungan Dari Golongan Syaitan

Kedudukan Rasulullah s.a.w. tentulah terselamat dari termasuk di dalam golongan kaum Musyrikin yang zalim apabila mereka ditimpakan 'azab yang amat pedih tepat seperti yang dijanjikan kepada mereka itu, tetapi tujuan do'a ini ialah untuk menambahkan lagi permohonan keselamatan itu dan untuk mengajarkan orang-orang yang kemudian bahawa mereka tidak akan merasa aman dari balasan Allah supaya mereka sentiasa berwaspada dan selama-lamanya berlindung di bawah payung perlindungan Allah.

Allah berkuasa melaksanakan apa yang telah dijanjikan-Nya kepada kaum Musyrikin yang zalim itu semasa hidup Rasulullah s.a.w.

وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka."(95)

Malah Allah telah pun memperlihatkan sebahagian 'azab yang telah dijanjikan-Nya kepada mereka di dalam Peperangan Badar kemudian pada masa "penaklukan Makkah" yang besar.

Ketika Surah Makkiyah ini diturunkan, maka cara berda'wah pada masa itu ialah menolak perbuatan (orang kafir) yang buruk dengan perbuatan yang terbaik dan bersabar sehingga datang perintah Allah serta menyerahkan urusan itu kepada Allah.

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾

"Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu)."(96)

Permohonan perlindungan Rasulullah s.a.w. dari bisikan-bisikan dan godaan-godaan syaitan itu - sedangkan beliau ma'sum darinya - adalah bertujuan untuk menambahkan lagi permohonan keselamatan dan perlindungan pada Allah, juga bertujuan mengajar umatnya dengan sifat beliau sebagai sumber ikutan dan contoh teladan kepada mereka supaya mereka sentiasa mencari perlindungan pada Allah dari bisikan-bisikan dan hasutan-hasutan syaitan di setiap masa, bahkan Rasulullah s.a.w. bukan sahaja memohon perlindungan kepada Allah dari bisikan dan godaan syaitan, malah dari semata-mata didekati syaitan:

وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Dan aku berlindung pada-Mu, wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Mungkin juga yang dimaksudkan dengan permohonan perlindungan dari kehadiran para syaitan itu ialah kehadiran mereka di sa'at-sa'at seorang itu sedang dalam nazak maut. Pengertian ini dibayangkan oleh ayat seturutnya iaitu:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata:Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia)"(99)

mengikut cara penerangan Al-Qur'an yang memelihara keselarasan dan pertalian makna-makna dan tujuan-tujuan pada ayat-ayat-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 99 - 118)

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾

لَعَلِّيٓ أَعۡمَلُ صَٰلِحٗا فِيمَا تَرَكۡتُۚ كَلَّآۚ إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَاۖ وَمِن وَرَآئِهِم بَرۡزَخٌ إِلَىٰ يَوۡمِ يُبۡعَثُونَ ١٠٠

فَإِذَا نُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَلَآ أَنسَابَ بَيۡنَهُمۡ يَوۡمَئِذٖ وَلَا يَتَسَآءَلُونَ ١٠١

فَمَن ثَقُلَتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ١٠٢

وَمَنۡ خَفَّتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ فِي جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ١٠٣

تَلۡفَحُ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ وَهُمۡ فِيهَا كَٰلِحُونَ ١٠٤

أَلَمۡ تَكُنۡ ءَايَٰتِي تُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَكُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ١٠٥

قَالُواْ رَبَّنَا غَلَبَتۡ عَلَيۡنَا شِقۡوَتُنَا وَكُنَّا قَوۡمٗا ضَآلِّينَ ١٠٦

رَبَّنَآ أَخۡرِجۡنَا مِنۡهَا فَإِنۡ عُدۡنَا فَإِنَّا ظَٰلِمُونَ ١٠٧

قَالَ ٱخۡسَـُٔواْ فِيهَا وَلَا تُكَلِّمُونِ ١٠٨

إِنَّهُۥ كَانَ فَرِيقٞ مِّنۡ عِبَادِي يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغۡفِرۡ لَنَا وَٱرۡحَمۡنَا وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ١٠٩

فَٱتَّخَذۡتُمُوهُمۡ سِخۡرِيًّا حَتَّىٰٓ أَنسَوۡكُمۡ ذِكۡرِي وَكُنتُم مِّنۡهُمۡ تَضۡحَكُونَ ١١٠

إِنِّي جَزَيۡتُهُمُ ٱلۡيَوۡمَ بِمَا صَبَرُوٓاْ أَنَّهُمۡ هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ ١١١

قَٰلَ كَمۡ لَبِثۡتُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ عَدَدَ سِنِينَ ١١٢

قَالُواْ لَبِثۡنَا يَوۡمًا أَوۡ بَعۡضَ يَوۡمٖ فَسۡـَٔلِ ٱلۡعَآدِّينَ ١١٣

قَٰلَ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗاۖ لَّوۡ أَنَّكُمۡ كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١١٤

أَفَحَسِبۡتُمۡ أَنَّمَا خَلَقۡنَٰكُمۡ عَبَثٗا وَأَنَّكُمۡ إِلَيۡنَا لَا تُرۡجَعُونَ ١١٥

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡحَقُّۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡكَرِيمِ ١١٦

وَمَن يَدۡعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرۡهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦٓۚ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ١١٧

وَقُل رَّبِّ ٱغۡفِرۡ وَٱرۡحَمۡ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ١١٨

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata: Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia) (99). Supaya aku dapat melakukan sesuatu yang baik terhadap apa yang telah ku tinggalkan dahulu. Tidak sekali begitu! Itu hanya satu perkataan yang diucapkannya sahaja, sedangkan di belakang mereka alam barzakh (yang menahan mereka) sehingga kepada hari mereka dibangkitkan kembali (100). Kemudian apabila sangkakala (yang kedua) ditiupkan, maka tidak ada lagi (hubungan) keturunan-keturunan di antara mereka dan selain itu mereka tidak lagi saling bertanya (satu sama lain) (101). Oleh itu barang siapa yang berat timbangan amalan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (102). Dan barang siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang kehilangan diri sendiri dan kekal abadi di dalam Neraka Jahannam(103). Muka-muka mereka dibakar api Neraka dan selain itu mereka berada di dalam Neraka dengan rupa paras yang buruk dan cacat (104). Bukankah ayat-ayat-Ku telah pun dibacakan kepada kamu, tetapi kamu telah mendustakannya? (105) Jawab mereka: Wahai Tuhan kami! Kami telah dikuasai kejahatan kami dan kami telah menjadi satu kaum yang sesat (106). Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami darinya (Neraka dan kembalikan kami ke dunia) kemudian jika kami kembali lagi (kepada kekafiran), maka sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar-benar zalim (107). Allah berfirman: Diamlah kamu dengan hina dina di dalam Neraka dan janganlah kamu bercakap dengan-Ku (108). Kerana sungguhnya dahulu ada segolongan hamba-hamba-Ku yang berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman, maka ampunilah kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik Pengurnia rahmat (109). Lalu kamu jadikan mereka bahan sendaan sehingga kamu lupa mengingatiKu dan kamu sentiasa mentertawakan mereka (110). Sesungguhnya pada hari ini Aku memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berjaya (111). Allah bertanya: Berapa tahunkah kamu tinggal di bumi? (112) Jawab mereka: Kami hanya tinggal sehari atau setengah hari sahaja, tanyalah juru-juru kira (113). Allah berfirman: Kamu tidak tinggal di bumi melainkan hanya sebentar sahaja jika kamu benar-benar mengetahui (114). Apakah kamu fikir bahawa Kami telah menciptakan kamu dengan tujuan bermain-main sahaja dan bahawa kamu tidak akan dipulangkan kepada Kami (115). Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada tuhan melainkan Dia yang memiliki 'Arasy yang amat mulia (116). Dan barang siapa

menyembah di samping Allah tuhan yang lain, yang tidak ada sebarang bukti baginya, maka perhitungannya adalah di sisi Tuhannya, iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan (117). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(118)

Di dalam pelajaran akhir surah ini Al-Qur'an memperkatakan tentang kesudahan hidup kaum Musyrikin yang ditonjolkan dalam salah satu pemandangan hari Qiamat. Ia mulakan dengan menayangkan pemandangan ketika hampir mati di dunia, kemudian berakhir dengan pemandangan tiupan sangkakala. Kemudian surah ini diakhiri dengan satu pengumuman yang menjelaskan 'aqidah ketuhanan Yang Maha Esa dan memberi amaran kepada mereka yang menyembah tuhan yang lain di samping Allah serta menakutkan mereka dari kesudahan hidup yang seperti itu, kemudian ditamatkan dengan satu arahan supaya Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dan rahmat-Nya kerana Allah adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 115)

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّىٓ أَعْمَلُ صَٰلِحًا فِيمَا تَرَكْتُ

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata: Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia) (99). Supaya aku dapat melakukan sesuatu yang baik terhadap apa yang telah ku tinggalkan dahulu."(100)

Angan-angan Yang Terluput Waktunya

Itulah pemandangan detik-detik kehadiran maut dan sa'at-sa'at menyatakan taubat ketika menghadapi maut serta memohon pulang kembali ke dunia untuk mengusahakan amalan-amalan yang ketinggalan dan mengislahkan keluarga dan harta kekayaan yang telah ditinggalkannya. Pemandangan itu seolah-olah ditayangkan di hadapan mata kita di sa'at ini. Tetapi jawapan terhadap permohonan dan harapan yang terlewat itu tidak dihadapkan kepada pemohonnya, malah diumumkan kepada orang ramai:

كَلَّآ ۚ إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَا

"Tidak sekali begitu! Itu hanya satu perkataan yang diucapkannya sahaja."(100)

Yakni perkataan itu adalah satu perkataan yang kosong tidak bererti, satu perkataan yang tidak membawa apa-apa makna di sebaliknya, satu perkataan yang tidak wajar diberikan perhatian kepadanya dan kepada orang yang mengucapkannya. Itulah perkataan yang diucap dalam masa dilanda ketakutan bukannya perkataan yang ikhlas untuk kembali kepada Allah. Itulah perkataan yang dihamburkan di sa'at kesusahan dan kesempitan sahaja dan tidak pernah tersimpan di dalam lipatan hati.

Dengan ini,berakhirlah pemandangan detik-detik kehadiran maut, dan tiba-tiba di sana terdapat pagar-pagar sekatan yang terbentang di antara pengucap perkataan ini dengan seluruh dunia. Segala-galanya telah selesai. Segala perhubungan telah terputus, segala pintu telah ditutup dan segala tirai telah dilabuhkan:

Sekalian Yang Mati Ditahan Di Alam Barzakh

"Sedangkan di belakang mereka alam barzakh (yang menahan mereka) sehingga kepada hari mereka dibangkitkan kembali."(100)

Yakni mereka bukan lagi dari penduduk dunia dan bukan pula dari penduduk Akhirat, malah mereka sedang berada di alam barzakh, iaitu sebuah alam di antara alam dunia dan alam Akhirat sehingga mereka dibangkitkan kembali.

Kemudian Al-Qur'an terus memperkatakan tentang hari kebangkitan itu dengan menggambar dan menayangkan kepada mata umum:

Tiada Hubungan Keturunan Dan Persahabatan Pada Hari Kebangkitan

"Kemudian apabila sangkakala (yang kedua) ditiupkan, maka tidak ada lagi (hubungan) keturunan-keturunan di antara mereka dan selain itu mereka tidak lagi saling bertanya (satu sama lain)."(101)

Kemudian ia membentangkan timbangan hisab dan proses timbangan itu secara sepintas lalu dan ringkas:

فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٢﴾ وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ فِى جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٣﴾ تَلْفَحُ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ وَهُمْ فِيهَا كَٰلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Oleh itu barang siapa yang berat timbangan amalan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (102). Dan barang siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang kehilangan diri sendiri dan kekal abadi di dalam Neraka Jahannam (103). Muka-muka mereka dibakar api Neraka dan selain itu mereka berada di dalam Neraka dengan rupa paras yang buruk dan cacat."(104)

Proses timbangan dengan neraca itu berlangsung mengikut cara gaya Al-Qur'an yang mengungkapkannya dengan ilustrasi, dimana konsep-konsep abstrak digambarkan dalam bentuk fizikal dan pemandangan-pemandangan yang bergerak.[8]

Pemandangan muka-muka yang dibakar api sehingga memburukkan rupa parasnya dan menghodohkan warna kulitnya adalah satu pemandangan yang amat perit dan pedih.

Orang-orang yang ringan timbangan amalan kebaikannya bererti mereka telah kehilangan segala sesuatu. Mereka telah kehilangan diri sendiri dan apabila seseorang itu telah kehilangan diri sendiri, maka apakah lagi dimilikinya? Apakah lagi yang tinggal kepadanya sedangkan dia telah kehilangan diri yang tersimpan di antara dua lambungnya, dia telah kehilangan diri sendiri yang membezakannya dari orang lain seolah-olah kini dia tidak lagi wujud di alam ini.

Di sini Al-Qur'an beralih dari uslub penceritaan kepada uslub berbicara dan bersemuka, di sini keseksaan jasmaniyah yang begitu dahsyat ini dirasakan lebih ringan dari keseksaan batin dan 'azab kekecewaan yang menemaninya, seolah-olah kita sedang menyaksi pemandangan itu berlaku di hadapan mata kita dalam bentuk soal jawab yang pedih dan panjang:

أَلَمْ تَكُنْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٠٥﴾

"Bukankah ayat-ayat-Ku telah pun dibacakan kepada kamu, tetapi kamu telah mendustakannya."(105)

Penyesalan Yang Ketinggalan Waktu

Ketika mendengar pertanyaan ini mereka merasa seolah-olah mereka telah diberi kebenaran untuk bercakap dan merasa bahawa pengakuan bersalah dari mereka itu kadang-kadang berguna untuk diperkenankan harapan mereka:

قَالُوا۟ رَبَّنَا غَلَبَتْ عَلَيْنَا شِقْوَتُنَا وَكُنَّا قَوْمًا ضَآلِّينَ ﴿١٠٦﴾

رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْهَا فَإِنْ عُدْنَا فَإِنَّا ظَٰلِمُونَ ﴿١٠٧﴾

"Jawab mereka: Wahai Tuhan kami! Kami telah dikuasai kejahatan kami dan kami telah menjadi satu kaum yang sesat (106). Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami darinya (Neraka dan kembalikan kami ke dunia) kemudian jika kami kembali lagi (kepada kekafiran), maka sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar-benar zalim."(107)

Pengakuan ini membayangkan betapa pahit dan malangnya keadaan mereka, tetapi di sini nampaknya mereka telah melampaui batas kebenaran dan bertindak biadab, sedangkan mereka hanya dibenarkan bercakap sekadar menjawab pertanyaan sahaja, dan mungkin pertanyaan yang dihadapkan kepada mereka tadi merupakan satu pertanyaan yang bertujuan mengecam dan mencela mereka bukannya untuk dijawab oleh mereka. Oleh sebab itu (apabila mereka cuba menjawab pertanyaan itu) mereka telah diherdik dan dibantahkan dengan keras:

قَالَ ٱخْسَـُٔوا۟ فِيهَا وَلَا تُكَلِّمُونِ ﴿١٠٨﴾

"Allah berfirman: Diamlah kamu dengan hina dina di dalam Neraka dan janganlah kamu bercakap dengan-Ku."(108)

Diam! Jangan bercakap. Diamlah kamu! Seperti diamnya orang-orang yang hina-dina kerana kamu memang wajar menerima keseksaan yang amat pedih dan kesengsaraan yang hina-dina yang sedang dialami kamu sekarang ini:

إِنَّهُۥ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْ عِبَادِى يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١٠٩﴾ فَٱتَّخَذْتُمُوهُمْ سِخْرِيًّا حَتَّىٰٓ أَنسَوْكُمْ ذِكْرِى وَكُنتُم مِّنْهُمْ تَضْحَكُونَ ﴿١١٠﴾

"Kerana sesungguhnya dahulu ada segolongan hamba-hamba-Ku yang berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman, maka ampunilah kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik Pengurnia rahmat (109). Lalu kamu jadikan mereka bahan sendaan sehingga kamu lupa mengingatiKu dan kamu sentiasa mentertawakan mereka."(110)

Kesalahan kamu bukan hanya sekadar menjadi kafir dan membataskan diri kamu setakat kekufuran itu sahaja yang merupakan satu dosa yang amat besar, tetapi kebebalan dan kebiadaban kamu telah sampai ke tahap, di mana kamu sanggup mengejek dan mempermainkan orang-orang yang beriman, yang mengharap-harapkan keampunan dan rahmat dari Tuhan mereka. Kamu mentertawakan mereka sehingga perbuatan kamu yang sesia itu menyebabkan kamu lupa mengingati Allah dan menjauhkan kamu dari berfikir dengan teliti terhadap bukti-bukti dan dalil-dalil iman yang bertaburan di lembaran-lembaran alam al-wujud. Lihatlah diri kamu pada hari ini, di manakah duduknya tempat kamu dan tempat orang-orang para Mu'minin yang kamu ejek dan tertawakan mereka (di dunia dahulu)?

إِنِّى جَزَيْتُهُمُ ٱلْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوٓا۟ أَنَّهُمْ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya pada hari ini Aku memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berjaya."(111)

Selepas jawapan yang keras dan menghinakan ini dan selepas menerangkan sebab-sebabnya yang mengandungi penghinaan dan kecaman itu, Al-Qur'an mula mengemukakan pertanyaan yang baru:

---

[8] *Lihat bab* "التصوير الفني" *di dalam* "التصوير الفني في القرآن"

قَالَ كَمْ لَبِثْتُمْ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ﴿١١٢﴾

"Allah bertanya: Berapa tahunkah kamu tinggal di bumi?"(112)

Allah S.W.T. memang mengetahui selama mana masa itu, tetapi pertanyaan itu dikemukakan dengan tujuan memperkecil-kecilkan kehidupan di bumi dan memperlihatkan betapa pendeknya masa hidup mereka di dunia, sedangkan mereka telah menukarkan hidup Akhirat dengan hidup dunia. Tetapi pada hari Qiamat ini mereka benar-benar merasa betapa pendek dan kecilnya hidup dunia ini dan benar-benar merasa putus harapan dan sempit fikiran hingga tidak berminat untuk mengira dan menghitungkan selama mana mereka tinggal di dunia:

قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ فَاسْأَلِ الْعَادِّينَ ﴿١١٣﴾

"Jawab mereka: Kami hanya tinggal sehari atau setengah hari sahaja, tanyalah juru-juru kira."(113)

Itulah jawapan orang yang sedang dalam kesempitan fikiran, putus asa, dukacita dan tiada harapan. Allah menjawab: Kamu hanya tinggal di dunia sebentar sahaja dibandingkan dengan masa 'azab di Akhirat yang sedang dihadapi kamu sekarang jika kamu pandai membuat perhitungan dan penilaian:

قَالَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ لَّوْ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١٤﴾

"Allah berfirman: Kamu tidak tinggal di bumi melainkan hanya sebentar sahaja jika kamu benar-benar mengetahui."(114)

Kemudian Al-Qur'an kembali mencela dan mengancam perbuatan mereka mendustakan hari Akhirat serta membuka mata mereka supaya memikirkan hikmat kebangkitan selepas mati yang telah disembunyikan sejak permulaan ciptaan alam buana ini lagi:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾

"Apakah kamu fikir bahawa Kami telah menciptakan kamu dengan tujuan bermain-main sahaja dan bahawa kamu tidak akan dipulangkan kepada Kami?"(115)

Hikmat kebangkitan adalah dari hikmat penciptaan Allah. Segala perhitungan mengenainya telah dikira dengan halus, masa berlakunya dan tujuannya telah ditentu dan ditadbirkan dengan rapi. Kebangkitan itu tidak lain melainkan hanya satu babak dalam salsilah penciptaan manusia dan dengan babak inilah penciptaan manusia mencapai kesempurnaannya. Orang-orang yang tidak menyedari hakikat ini ialah orang-orang yang terhijab dan padam cahaya hati nuraninya, iaitu orang-orang yang tidak meneliti hikmat kebijaksanaan Allah yang agung, sedangkan hikmat kebijaksanaan itu terjelma di dalam lembaran-lembaran alam al-wujud dan bertaburan di dalam segala lipatan dan liku-liku alam buana.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 116 - 117)

Tauhid Merupakan Prinsip Utama Keimanan

Surah iman ini diakhiri dengan menjelaskan 'aqidah tauhid, yang menjadi prinsip keimanan yang ulung dan mengumumkan kerugian yang paling besar bagi mereka yang mempersekutukan Allah, iaitu berlawanan dengan keuntungan besar yang dicapaikan oleh orang-orang yang beriman, yang diterangkan di permulaan surah ini. Begitu juga surah ini diakhiri dengan perintah bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan-Nya kerana Dialah sebaik-baik Pengurnia rahmat:

فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ ۖ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ﴿١١٦﴾

وَمَن يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِندَ رَبِّهِ ۚ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١١٧﴾

وَقُل رَّبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١١٨﴾

"Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada tuhan melainkan Dia yang memiliki 'Arasy yang amat mulia (116). Dan barang siapa menyembah di samping Allah tuhan yang lain, yang tidak ada sebarang bukti baginya, maka perhitungannya adalah di sisi Tuhannya, iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan (117). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(118)

Kesimpulan ini dibawa selepas ditayangkan pemandangan Qiamat yang telah lalu dan selepas menerangkan perdebatan, hujjah-hujjah, dalil-dalil dan bukti-bukti yang dibicarakan oleh surah ini sebelum pemandangan Qiamat itu. Kesimpulan ini dikemukakan sebagai hasil yang tabi'i dan logikal bagi segala isi kandungan surah ini. Kesimpulan ini menyaksikan kesucian Allah S.W.T. dari segala dakwaan palsu yang dikatakan kaum Musyrikin, juga menyaksikan bahawa Allah itulah pemerintah dan penguasa agung yang sebenar, yang tiada tuhan yang lain, yang layak disembah melainkan hanya Dia yang memilik segala kekuasaan dan keunggulan, juga memiliki 'Arasy yang amat mulia:

"Yang memilik 'Arasy yang amat mulia."(116)

Membuat dakwaan Uluhiyah kepada seorang yang lain di samping Allah itu adalah satu dakwaan yang tidak mempunyai sebarang dalil sama ada dari dalil-dalil alam buana atau dalil-dalil dari logik fitrah dan hujjah-hujjah aqliyah. Hisab terhadap pembuat dakwaan itu telah disediakan di sisi Allah dan akibatnya memang telah diketahui umum iaitu:

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan."(117)

Itulah undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir, dan keberuntungan orang-orang yang beriman itu juga merupakan sebahagian dari undang-undang Allah yang besar itu.

Segala ni'mat kesenangan hidup, kekuatan dan kuasa yang dilihat manusia pada orang-orang kafir dalam setengah-setengah masa bukanlah suatu keberuntungan mengikut pertimbangan neraca nilai-nilai yang haqiqi, malah sebenarnya ia adalah suatu ujian dan pengumpanan yang akhirnya membawa kepada kecelakaan di dunia, dan andainya setengah dari mereka terselamat dari 'azab dunia, maka hisab mereka akan disempurnakan di Akhirat pula. Alam Akhirat merupakan pusingan terakhir dari peringkat-peringkat perjalanan kejadian manusia. Ia bukannya merupakan suatu yang terpisah dan terasing dari taqdir dan tadbir Allah. Oleh sebab itulah alam Akhirat merupakan suatu keperluan yang pasti mengikut logik pandangan yang jauh.

******

(Pentafsiran ayat 118)

Ayat terakhir Surah al-Mu'minun ialah perintah bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan:

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(18)

Di sinilah bertautnya titik pertemuan di antara awal surah dengan akhirnya dalam menerangkan keuntungan kepada orang-orang yang beriman dan kerugian kepada orang-orang yang kafir, juga dalam menerangkan sifat khusyu' di dalam solat di awal surah dan menerangkan amalan tawajjuh dengan khusyu' kepada Allah pada akhir surah. Dengan demikian tercapailah keselarasan dan keserasian awal surah dengan akhirnya di bawah bayangan iman.

* * * * * *